


Jilid III  
Bil. 25



Hari Isnin  
3hb Julai, 1989

MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*House of Representatives*

**PARLIMEN KETUJUH**  
*Seventh Parliament*

**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**USUL**

**Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990**  
**[Ruangan 4937]**

MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K. (I) (JOHOR), S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, S.S.A.P. (Merbok).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK (Bentung).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T, K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat): \*

- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- .. TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- .. DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- .. DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- .. DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- .. TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- .. DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- .. DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- .. TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- .. DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- .. TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- .. TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

- Yang Berhormat DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ DATO' ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

- Yang Berhormat TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,  
P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I.  
(Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,  
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M.  
(Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P.  
(Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M.  
(Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M.,  
S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K.,  
S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J.  
(Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

- Yang Berhormat TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ Tuan Ong Tee Keat (Ampang Jaya).
- „ DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tengah).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

Yang Berhormat TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).

„ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).

„ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).

„ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

„ DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).

„ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).

„ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).

„ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman,  
D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

#### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Isnin, 3hb Julai, 1989

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

## USUL

**KAJIAN SEPARUH PENGGAL  
RANCANGAN MALAYSIA  
KELIMA 1986-1990**

Aturan Urusan Mesyuarat di-  
bacakan bagi menyambung semula  
perbahasan yang ditangguhkan atas  
masalah,

Bahawa Dewan ini—

*menyedari* kemajuan yang telah  
dicapai dalam usaha melak-  
sanakan tiga tahun pertama  
Rancangan Malaysia Kelima;

*bersetuju* dengan usaha-usaha  
Kerajaan meneruskan Pe-  
laksanaan Dasar Ekonomi  
Baru untuk mencapai tujuan  
utama iaitu perpaduan negara  
serta mengekalkan keamanan dan  
keselamatan, dalam konteks  
pertumbuhan ekonomi yang  
setabil;

*meluluskan dan menyetujui*  
Kajian Separuh Penggal  
Rancangan Malaysia Kelima,  
yang telah dirangka untuk  
meliputi dasar-dasar dan  
program-program bertujuan  
untuk meninggikan lagi  
pertumbuhan ekonomi dan

melaksanakan langkah-langkah  
untuk membasmi kemiskinan dan  
menyusun semula masyarakat,  
seperti yang dibentangkan dalam  
Kertas Perintah Bil. 23 Tahun  
1989.

Bahawa dalam meluluskan Kajian  
Separuh Penggal ini, Dewan ini  
*menyeru* semua rakyat Malaysia  
dari segenap lapisan untuk  
berusaha dengan lebih gigih lagi,  
sesuai dengan hasrat Rukunegara  
dan bersatupadu untuk me-  
wujudkan negara yang adil,  
progresif dan kukuh. (30hb Jun,  
1989)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan  
D. P. Vijandran):** Yang Berhormat  
dari Bukit Bintang.

*2.35 ptg.*

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit  
Bintang):** Tuan Yang di-Pertua,  
mengenai pembangunan sumber  
tenaga manusia, saya mencadangkan:

- (1) Kerajaan patut menyediakan lebih banyak peluang pelajaran tinggi dalam semua bidang dengan tujuan untuk meningkatkan keseluruhan kemahiran akademik, iktisad dan teknik rakyat Malaysia bagi memenuhi cabaran-cabaran abad ke-21.
- (2) Kerajaan patut mengakui sumbangan yang dibuat oleh sekolah-sekolah menengah persendirian Cina kepada

keperluan pendidikan dan tenaga kerja negara ini dengan mengiktiraf sijil peperiksaan bersama sekolah-sekolah menengah Cina persendirian untuk kemasukan ke dalam pendidikan tinggi tempatan yang sesuai dan perkhidmatan awan.

- (3) Maktab Sains MARA hendaklah membuka pintunya kepada rakyat Malaysia bukan bumiputera dan bukan untuk membuka kemasukan kepada pelajar-pelajar asing dari Brunei, Indonesia, Thailand dan Australia sebagaimana yang dilaporkan baru-baru ini. Dengan membuka kepada semua kaum, ini akan membantu meningkatkan perhubungan kaum dalam negara dan menyumbang kepada latihan tenaga kerja untuk rakyat Malaysia bukan bumiputera.
- (4) Mengiktiraf ijazah-ijazah luar negeri jika taraf graduan tersebut boleh menyumbang kepada keperluan tenaga kerja untuk pembangunan.
- (5) Mempastikan bahawa universiti-universiti dan pusat-pusat pengajian tinggi negara kita menjalankan kursus-kursus yang akan mengeluarkan siswazah-siswazah yang cukup dan sesuai untuk keperluan tenaga kerja negara kita; dan
- (6) Kerajaan patut mengiktiraf dan menerima sumbangan sektor swasta dalam menyumbang ke arah pendidikan dan latihan sumber tenaga manusia untuk keperluan pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, yang sangat membimbangkan rakyat ialah masalah inflasi. Kajian Separuh Penggal tidak menyentuh secara terperinci bagaimana inflasi akan diatasi dalam

tempoh 2 tahun akan datang. Walaupun Kajian Separuh Penggal menunjukkan bahawa inflasi akan dibendung pada paras 3.9% setahun tetapi kadar inflasi adalah lebih tinggi daripada apa yang dianggarkan. Inflasi untuk tahun ini akan dijangka dalam lingkungan 5%-6% dengan satu kemungkinan untuk mencapai 8%. Adalah perlu bagi Kerajaan mula mengambil satu perhatian serius masalah inflasi ini dan mengambil langkah-langkah positif untuk membendung masalah ini.

Keupayaan pelaksanaan Kerajaan juga tidak memuaskan. Menurut Kajian Separuh Penggal, hanya lebih kurang 49.2% perbelanjaan pembangunan bagi tempoh 3 tahun Rancangan Malaysia Kelima telah dibelanjakan. Ini sangat rendah tetapi kurang perhatian diberikan kepada isu ini. Memandangkan ini seseorang boleh mengagak atau menjangka satu kekurangan besar dengan satu baki peruntukan untuk dibelanjakan iaitu \$29.2 billion bagi tempoh hanya 2 tahun iaitu tahun 1989 dan tahun 1990. Walaupun amaun \$29.2 billion untuk dibelanjakan akan digunakan untuk meningkatkan ekonomi tetapi ia sangat buruk bagi inflasi.

Perhatian serius patut juga diberikan kepada masalah pengangguran yang dijangka akan diramalkan mencapai kadar lebih kurang 7.6% pada tahun 1990. Patut juga diperhatikan bahawa pada akhir dekad seramai 537,000 akan menganggur dan 70% daripadanya iaitu di dalam kumpulan di bawah umur 25 tahun yang sebahagian besar mereka berpendidikan tinggi.

Pada akhirnya, saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa kejayaan Rancangan Malaysia Kelima akan bergantung kepada kebolehan mewujudkan perpaduan negara untuk menyatupadukan rakyat dan menukarkan Malaysia menjadi sebuah negara kuat dan maju. Kita hanya boleh mencapai perpaduan negara jika

beberapa keperluan berikut yang penting dipenuhi oleh Kerajaan, iaitu:

- (1) menghormati kedaulatan undang-undang, demokrasi, keadilan dan hak asasi;
- (2) semua undang-undang dan dasar yang mencabul hak asasi manusia dan menafikan kebebasan asasi seseorang warganegara mestilah dihapuskan;
- (3) menolak semua bentuk fahaman perkauman dan diskriminasi kaum yang boleh menuju kepada polarisasi kaum;
- (4) menjunjung perlindungan dan jaminan berperlembagaan ke atas semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum berkaitan dengan hak-hak berpolitik, ekonomi, sosial, pelajaran, kebudayaan dan agama mereka;
- (5) menghapuskan sistem kuota menurut kaum yang menjadi satu aspek yang sangat kontroversi kepada DEB.

Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin tahu berapa ramai Yang Berhormat ingin berucap hari ini.

**Beberapa Ahli: (Bangun)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Sila duduk! Saya rasa kalau begitu, saya ingin menghabiskan masa untuk berucap, seorang Ahli Yang Berhormat selama 15 minit. Kita akan habiskan perbahasan pada pukul 4.00 petang, selepas itu Menteri-menteri akan menjawab. Yang Berhormat dari Sungai Petani.

2.40 ptg.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad (Sungai Petani):** Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-

banyak terima kasih atas peluang yang diberi oleh Tuan Yang di-Pertua Dewan kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut serta membahas dan menyokong atas usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam membentangkan Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membahas tiga perkara yang saya fikir mustahak iaitu perkara khalwat yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong, perkara perjudian dan akhirnya perkara hak asasi bukan hak istimewa tetapi hak asasi orang-orang Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong telah membawa hujah-hujah yang pada hemat saya, ianya menyeleweng mengenai usaha murni Kerajaan negeri-negeri di bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Sultan-sultan untuk mengenakan hukuman khalwat ke atas orang bukan Islam berkhalwat dengan orang-orang Islam sama ada lelaki atau perempuan. Yang Berhormat dari Tanjong berhujah bahawa undang-undang seumpama itu akan mempunyai kesan dan implikasi secara langsung ke atas orang-orang bukan Islam yang sehingga kini tidak tertakluk kepada undang-undang Islam.

Tuan Yang di-Pertua, hujah Yang Berhormat dari Tanjong itu tidak boleh diterima kerana pihak Pejabat Agama ataupun Penguatkuasa Undang-undang Pentadbiran Islam di negeri-negeri tidak pernah menangkap orang-orang bukan Islam berkhalwat bersama-sama dengan orang-orang bukan Islam malah Jabatan Agama Islam tidak pernah mengambil tahu perkara-perkara yang bukan Islam berzina dan bersekedudukan antara sesama bukan Islam, walaupun Yang Berhormat dari Tanjong dan pertubuhan-pertubuhan agama tahu

bahawa seumpama itu tidak bermoral dan tidak berakhlak yang sepatutnya diambil apa-apa tindakan atau dilaksanakan apa-apa peraturan mengenainya.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Penguatkuasa Jabatan Agama Negeri-negeri yang bernaung di bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan-sultan hanya mengambil tindakan terhadap orang-orang bukan Islam berkhalwat dengan orang-orang Islam sahaja. Tindakan ini patut diambil selaras dengan kehidupan kita di dalam negara kita yang berbilang kaum dan agama. Perkara ini boleh dihuraikan menjadi satu buku. Dalam masa yang singkat ini, saya hanya mahu mengemukakan kepada Dewan yang mulia ini beberapa hujah dan meminta Ahli-ahli Yang Berhormat semua merenung dan memikir dengan teliti tanpa dipengaruhi oleh apa-apa emosi.

Tuan Yang di-Pertua, adakah adil kita menjatuhkan hukuman kepada satu orang sahaja iaitu orang Islam dan melepaskan orang bukan Islam atas satu kesalahan yang kedua-dua mendapat faedah bersama-sama iaitu berseronok-seronok atau jelas lagi sama-sama "shock". Sekiranya dijatuhkan hukuman seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong maka itulah yang dinamakan kita membuat zalim kepada wanita kita. Lelaki yang dapat faedah tadi tetapi wanita terpaksa mendukung anak mencari tempat perlindungan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat dalam Dewan ini agama manakah yang rela melihat kezaliman seumpama ini berlaku?

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya Jabatan Agama dan Penguatkuasa tidak pernah menangkap dan menghukum ke atas orang-orang bukan Islam yang sehingga ini tidak tertakluk kepada undang-undang Islam. Tanda yang jelas atas hujah saya ini iaitu bahawa

belum ada orang-orang bukan Islam ditangkap oleh Jabatan Agama kerana tidak berpuasa. Belum ada orang-orang bukan Islam ditangkap kerana tidak berpuasa, kerana ia tertakluk kepada seorang sahaja iaitu orang yang tidak berpuasa dia tidak bekerjasama dengan orang-orang lain, mengenai puasa, puasanya untuk dirinya sahaja.

Begitu juga mengenai perkara perjudian, minum arak dan lain-lain. Jabatan Agama tidak pernah menangkap orang-orang bukan Islam yang minum arak. Tuan Yang di-Pertua, malah pihak berkuasa begitu juga berkenaan dengan perkara perjudian. Tuan Yang di-Pertua, malah Kerajaan begitu bertimbangrasa sekali, walaupun ramai di kalangan umat Islam mengkritik, tidak bersetuju, tetapi Kerajaan bersimpati dengan orang-orang bukan Islam, maka Kerajaan membenarkan pusat perjudian ada di Genting Highlands dan ditegah orang-orang bukan Islam ke sana. Sesiapa di antara orang-orang Islam yang pergi ke tempat perjudian itu akan ditangkap. Tetapi orang-orang bukan Islam tidak ditangkap. Kerana apa? Kerana kesalahan itu adalah dilakukan oleh seorang itu sahaja dan ianya tidak bersangkutan-paut dengan orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Dewan yang mulia ini adakah kita mahu melihat ramai orang-orang yang tidak bermoral di negara ini — orang-orang yang berkhalwat di sana dan di sini; negara kita ini lebih daripada negara Amerika dan negara-negara barat — bercium di sana dan di sini tanpa moral? Tentulah kita tidak berkehendak perkara-perkara yang seumpama ini berlaku. Saya percaya orang-ramai dari berbagai-bagai keturunan dan kaum ada menentang dan tidak bersetuju di atas perkara-perkara yang seumpamanya ini. Dengan sebab itu, saya merasa hairan mengapa

pertubuhan-pertubuhan agama malah ahli-ahli politik yang matang juga turut serta menyokong di atas kritikan-kritikan yang seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan penghargaan yang tinggi daripada saya dan pengundi-pengundi dari Sungai Petani, penghargaan yang tinggi kepada Kerajaan dalam usaha meyekat dan membendung kegiatan-kegiatan berjudi. Saya difahamkan bahawa tidak ada lesen-lesen perjudian baru yang dikeluarkan tetapi saya di sebaliknya pula, saya merasa agak keliru kerana di sebaliknya tidak ada lagi lesen-lesen judi yang dikeluarkan, tetapi pusat-pusat perjudian itu semakin bertambah. Sama ada penguatkuasaan tentang melarang pertumbuhan pusat-pusat perjudian itu tidak dilaksanakan atau kerana sekarang ini pusat-pusat perjudian tumbuh seperti cendawan di seluruh negara hingga mengacau anak-anak dalam lampin menjerit hendak bermain judi di pusat perjudian di sebelah rumahnya.

Saya sebut begini kerana ramai daripada kanak-kanak sekolah menanggal baju sekolahnya dan memakai baju biasa, terus masuk ke pusat-pusat perjudian ini kerana di pusat-pusat perjudian itu hanya murid-murid yang berpakaian seragam beruniform yang dilarang. Maka kanak-kanak atau murid-murid sekolah ini membawa pakaian-pakaian yang lain daripada pakaian seragamnya dan apabila habis sekolah, mereka menukar pakaian-pakaian ini dan masuk ke pusat-pusat perjudian itu. Mengapa tidak keadaan-keadaan yang seumpama ini disekat dengan cara bersungguh-sungguh kerana apabila kita membiar kegiatan perjudian itu kepada kanak-kanak maka ianya sangatlah merbahaya kepada kedudukan masyarakat dan merbahaya kepada negara kerana murid-murid sekolah itulah yang akan

menjadi orang dewasa pada masa hadapan. Kita tidak ingin melihat bahawa negara kita pada akhirnya nanti akan penuh dengan manusia-manusia tahi judi.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak percaya sama sekali pertumbuhan ini berpunca daripada kegiatan mana-mana parti lawan yang menyokong supaya orang ramai tidak mahu moral seperti menggalakkan orang-orang besar berkhawat dan sebagainya. Dengan ini saya menyeru kepada Kerajaan supaya mencegah dan mengurangkan kegiatan perjudian hingga satu hari kelak kita menghapuskan kegiatan perjudian ini sedikit demi sedikit sehingga satu hari kelak negara kita adalah bebas daripada perjudian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Dua minit lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong menimbulkan keraguan bahawa Malaysia sedang menuju kepada pelaksanaan undang-undang Islam malah sangat bimbang kepada terbentuknya sebuah negara Islam di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, hujah Yang Berhormat ini menjadikan saya merasa keliru sedikit kerana pihak DAP sedang berusaha melalui saluran-saluran tertentu untuk bekerjasama dengan PAS yang mempunyai matlamat menegakkan negara Islam. Kedua-duanya mempunyai matlamat yang tidak sama. Kalau mereka bertemu seperti-lah petrol bertemu air. Inilah yang menjadikan saya hairan. Saya ingat juga sebuah hadis yang menyebut "alharbu khidata" yang bererti perang itu adalah tipu helah, bahawa perang adalah taktik dan tipu helah. Di dalam hal ini kita tunggulah siapa yang menipu siapa dan siapa pula yang kena tipu. Pada saya semua

usaha patutlah dilakukan supaya wujud sebuah negara yang harmoni, bersatupadu, aman dan damai. Saya dan ramai orang seluruh rakyat ingin melihat sebuah negara yang diredai oleh Allah subhanahu wataalla. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Kimanis.

2.55 ptg.

**Tuan Nurnikman bin Abdullah (Kimanis):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya terlebih dahulu merakamkan rasa penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas kesudian beliau membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima pada 28hb Jun yang baru lalu.

Sesungguhnya dengan membentangkan Kajian Separuh Penggal itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memikir dan menitikberatkan tentang banyak perkara yang perlu diberi perhatian serta penilaian yang menyeluruh sejauhmanakah kesemua program dan aktiviti yang dirancang dalam RML itu berjalan dengan baik sepertimana yang diharapkan ataupun sebaliknya. Ini adalah kerana pada mulanya RML dilancarkan dahulu di mana taraf ekonomi negara kita berada di paras yang kurang baik dan kurang memuaskan. Justeru itu banyak yang dirancang dalam RML itu terpaksa dibatalkan ataupun ditangguh. Akan tetapi ekonomi negara kita pada hari ini bolehlah dikatakan baik kerana ada tanda-tanda ianya akan pulih. Oleh itu wajarlah kajian ini dibuat untuk memberi peluang kepada kita meninjau kembali sejauhmana kita berhasil melaksanakan semua program dan memikirkan pula apakah lagi perlu kita buat bagi penggal kedua yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pada hakikatnya ekonomi negara kita belum boleh dikatakan pulih seperti sediakala dan masih lagi lembab, Kerajaan telah berjaya melaksanakan berbagai-bagai projek yang mana telah dapat mendatangkan hasil dan faedah yang besar kepada rakyat. Sungguhpun begitu kita tidak harus berpuas hati dengan pencapaian kita dalam Separuh Penggal itu kerana perjalanan kita masih lagi jauh di hadapan. Kita haruslah meninjau ke belakang dan mengenalpasti akan kelemahan-kelemahan kita dalam melaksanakan sesuatu program khususnya dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru. Kita mestilah berani mengakui apa juga kelemahan yang ada pada kita dan mengambil inisiatif untuk membetulkan segala kelemahan supaya kita dapat menikmati hasil yang lebih baik lagi di masa-masa akan datang. Kita tidak mahu melihat banyak projek yang terbengkalai ataupun tidak dilaksanakan dengan baik kerana ini bukan sahaja tidak mendatangkan hasil kepada kita tetapi juga akan merugikan Kerajaan.

Apa yang nyata di dalam Kajian Separuh Penggal ini ialah walaupun terdapat pertambahan di dalam penyertaan kaum bumiputera dalam bidang perniagaan dan perindustrian, daripada 2% dalam tahun 1970 ke tahap 19% dalam tahun 1988 iaitu satu jumlah belum boleh dianggap sebagai satu perkara yang dapat kita banggakan. Ini adalah kerana matlamat 30% masih jauh dan tidak mungkin tercapai menjelang tamat tempohnya pada tahun 1990. Oleh itu pengusaha-pengusaha bumiputera hendaklah menganggap ini sebagai satu cabaran yang utama dan hendaklah berusaha lebih gigih lagi agar matlamat Dasar Ekonomi Baru dapat dicapai. Di samping itu pihak Kerajaan pula hendaklah terus memberikan segala bantuan serta kemudahan yang perlu dalam menjamin kejayaan kaum bumiputera kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat senang hati bila mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menghuraikan kejayaan-kejayaan kita dalam Kajian Separuh Penggal pertama itu. Walaupun kita turut sama-sama berbangga tetapi masih terdapat beberapa perkara yang belum dapat diatasi dengan sepenuhnya. Perkara-perkara ini adalah seperti pengangguran, masalah kemiskinan, masalah perhubungan jalanraya khasnya di luar bandar, kejatuhan nilai ringgit kita, masalah-masalah salahguna najis dadah, masalah kemudahan kesihatan, pendidikan, soal keselamatan khasnya di Sabah dan banyak lagi masalah-masalah lain yang saya tidak dapat sebut satu persatu di sini.

Masalah pengangguran misalnya merupakan satu masalah yang berterusan dan tidak mudah diatasi. Ini kerana Kerajaan dan juga swasta tidak mampu menyediakan peluang-peluang kerja yang cukup untuk menampung permintaan yang begitu banyak. Saya baharu sahaja difahamkan bahawa seramai 17,000 guru pelapis ataupun guru sandaran akan ditamatkan khidmat mereka tidak lama lagi kerana sebab-sebab tertentu. Jika ini betul-betul berlaku masalah pengangguran akan bertambah rumit lagi dan akhirnya akan menimbulkan masalah sosial pula. Ini sudah tentu akan menjadi masalah dan beban Kerajaan.

Saya ingin mencadangkan supaya sebilangan besar di antara mereka ini diserapkan ke dalam Maktab-maktab Perguruan untuk dilatih dan apabila tamat latihan kelak mereka akan dapat meneruskan khidmat mereka sebagai guru, di samping itu Kerajaan mestilah juga memikirkan untuk mewujudkan lebih banyak lagi peluang-peluang kerja sebagai satu jalan untuk mengatasi masalah ini. Pelabur-pelabur asing hendaklah digalakkan melabur di negara kita dan untuk inisiatif pelabur asing saya ingin

mencadangkan Kerajaan supaya mengkaji lagi kemudahan-kemudahan yang ada supaya ia lebih competitive. Syarat-syarat kemasukan atau imigration hendaklah dilonggarkan supaya pelabur asing dapat keluar masuk ke negara ini tanpa sebarang gangguan yang boleh menjejaskan keyakinan mereka terhadap negara kita. Di samping kita menggalakkan pelabur asing, janganlah kita ketepikan pula pelabur-pelabur tempatan. Kerajaan mestilah bersedia memberi apa juga bentuk bantuan dan kerjasama serta menyediakan kemudahan-kemudahan yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati ada setengah-setengah usahawan kita tidak berminat melabur di negara ini, akan tetapi berminat pula melabur di negara asing. Perbuatan ini sudah tentu akan merugikan kita. Saya difahamkan bahawa salah satu sebab ini boleh berlaku ialah kerana pihak Kerajaan mengenakan syarat yang terlalu complicated yang didapati sukar untuk dipenuhi oleh usahawan-usahawan kita. Salah satu syarat ialah memenuhi keperluan Jabatan Hasil Dalam Negeri yang ingin tahu punca kewangan para usahawan dalam satu-satu pelaburan itu. Bagi usahawan yang mendapat punca kewangan dari datuk nenek mereka sudah tentulah tidak akan bersusah payah membuat laporan semata-mata memenuhi syarat Jabatan Hasil Dalam Negeri dan untuk mengambil jalan pendek mereka lebih senang melabur di negara asing atau negara jiran yang menawarkan kemudahan yang lebih competitive dan lumayan. Saya berharap pihak Kerajaan akan berbuat sesuatu untuk mengatasi perkara ini sebelum ramai lagi usahawan-usahawan kita melabur ke negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pula beralih kepada isu-isu antarabangsa di mana saya fikirkan amat perlu untuk kita ambil perhatian. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita

kerana telah berjaya membuat beberapa lawatan ke negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat. Lawatan beliau itu sudah tentu akan menaikkan lagi imej negara di mata dunia selain daripada bertujuan untuk menarik pelaburan asing ke negara ini. Walaupun demikian negara kita masih lagi berhadapan dengan masalah memburuk-burukan minyak kelapa sawit Malaysia oleh Persatuan Kacang Soya Amerika.

Dalam perkara ini Kerajaan tidak harus berdiam diri dan hendaklah meneruskan perjuangan untuk menentang kempen ini sehabis-habisan. Kita mempunyai banyak bahan-bahan dan faktor-faktor yang boleh membantu kita dalam usaha kita menentang kempen ini. Di samping itu kita juga mempunyai rakan-rakan kita yang boleh kita ajak untuk bekerjasama serta membantu kita dalam mengatasi masalah ini. Nampaknya belum cukup dengan kelapa sawit kita, sekarang hutan dan kayu tropika kita pula jadi sasaran. Negara-negara berkenaan cukup senang membuat tuduhan yang bukan-bukan terhadap hutan dan kayu tropika kita, tetapi mereka ini tidak sedar bahawa hakikat yang sebenar ialah kayu-kayu tropika kita lebih bermutu tinggi jika dibandingkan dengan apa yang dikeluarkan oleh mereka. Untuk membolehkan Kerajaan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap tuduhan ini, saya ingin mencadangkan supaya satu dasar perhutanan di peringkat pusat ataupun negeri diwujudkan yang mana akan menitikberatkan perkara-perkara yang khususnya bersabit dengan tuduhan-tuduhan itu. Melalui dasar ini sudah tentu akan memudahkan Kerajaan membuat atau mengambil apa sahaja tindakan yang sesuai di dalam masalah menghadapi masalah-masalah seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pula menyentuh sedikit sebanyak isu-isu

yang melibatkan negeri Sabah selaras dengan Kajian Separuh Penggal RML ini. Sepertimana yang dikatakan, yang kita maklum, Sabah dan Sarawak masih jauh ketinggalan di belakang jika dibandingkan dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Oleh itu sudah tentu banyak lagi yang harus dilaksanakan demi untuk membawa kemajuan yang pesat di Sabah. Kedudukan Sabah dan Sarawak agak unik, kerana kedua-dua buah negeri ini terpisah dengan tanah besar Semenanjung Malaysia kurang lebih 1,000 batu jauh dan memakan masa lebih kurang dua jam dengan kapal terbang. Dengan kedudukan yang begitu jauh, sememangnya kedua-dua buah negeri ini sukar sedikit mendapat perhatian oleh pihak-pihak yang berkenaan di Kuala Lumpur. Buat permulaan, saya ingin meminta jasa baik para Menteri dan Timbalan Menteri supaya membuat lawatan yang kerap ke Sabah dan Sarawak, untuk meninjau sendiri akan kemajuan dan juga masalah di kedua-dua buah negeri ini.

Sehubungan dengan ini saya ingin rakamkan ucapan terima kasih saya kepada Ahli Dewan Rakyat dari Back-bencher Kerajaan kerana telah membuat lawatan ke Sabah dan Sarawak sedikit masalah dahulu. Saya percaya dengan lawatan para ahli Dewan Rakyat dari Back-bencher Kerajaan ini sudah pasti mereka akan mengetahui sedikit sebanyak tentang masalah yang dihadapi oleh kedua-dua buah negeri itu. Masalah yang serius yang masih lagi dihadapi oleh negeri Sabah adalah kekurangan infrastruktur seperti jalan-jalan raya, kemudahan kesihatan di luar bandar, masalah kekurangan bilik-bilik darjah, keselamatan dan juga kemiskinan, sebagai contoh. Saya berpendapat kajian ini tidak akan memberi kesan yang sebaiknya, sekiranya kita gagal memahami masalah yang saya sebutkan tadi dan seterusnya berusaha untuk mengatasinya.

Misalnya saya telah berkali-kali menyuarakan masalah jalan raya dari Beaufort—Kuala Penyu—Menumbok, kerana jalan raya itu sekarang semakin sebuk digunakan oleh pengguna-pengguna yang kian bertambah, khasnya mereka yang hendak pergi ke Wilayah Persekutuan Labuan. Ini adalah satu-satunya perhubungan yang murah di antara Tanah Besar Sabah dengan Wilayah Persekutuan Labuan. Saya memohon agar Kerajaan memberi keutamaan pembinaan jalan raya ini supaya ramai orang akan mendapat faedahnya.

Di samping itu juga saya ingin meminta Kerajaan supaya mengambil berat tentang beberapa projek negeri Sabah yang agak besar di mana Kerajaan Pusat terlibat secara tidak langsung seperti Sabah Gas Industries dan Sabah Shipyard di Labuan, Sabah Forest Industries yang mana belanjanya begitu banyak sekali. Walaupun projek yang disebutkan sedang berjalan dengan baik, Kerajaan Persekutuan haruslah juga mengawasi dengan teliti serta mengusahakan supaya lebih banyak lagi kontrak seperti khasnya kepada Sabah Shipyard supaya syarikat ini terus akan memberi peluang kerja kepada penduduk-penduduk di Wilayah Persekutuan Labuan dan Sabah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Satu minit lagi Yang Berhormat.

**Tuan Nurnikman bin Abdullah:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi isu utama di Sabah ialah masalah pendatang haram yang kian bertambah hari demi hari. Sungguhpun banyak usaha telah dibuat oleh Kerajaan Negeri, namun masalah itu tidak dapat diselesaikan dengan begitu mudah. Ia memerlukan campurtangan dari Kerajaan Pusat. Saya ingin merayu kepada Kerajaan Pusat supaya mengambil inisiatif untuk menyelesaikan masalah

ini, kerana ini melibatkan keselamatan negara. Campurtangan oleh Kerajaan Pusat adalah perlu demi menjamin keselamatan di kawasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 1990 adalah tahun melawat Malaysia. Segala persiapan telah pun siap dibuat untuk menjayakan kempen melawat Malaysia ini. Saya berharap apa juga rancangan yang dibuat oleh Kerajaan, janganlah dilupakan negeri Sabah dan negeri Sarawak. Janganlah kita tumpukan perhatian kepada Kuala Lumpur sahaja kerana Sabah dan Sarawak juga mempunyai tempat-tempat yang berpotensi yang oleh menjadi tarikan para pelancong.

Akhir kata, marilah kita sama-sama melipatgandakan usaha kita ke arah pembangunan negara. Tempoh RML hanya tinggal sedikit sahaja lagi dan masa untuk kita berbuat sesuatu bagi faedah rakyat adalah terlalu singkat, tetapi dengan berusaha dengan gigih dan suasana harmoni dan muhibah, saya yakin kita akan dapat mencapai matlamat yang kita tuju itu. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

*3.11 ptg.*

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa):** Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih walaupun masa amat terhad diberi kepada saya, namun terpaksa juga saya bangun untuk membahaskan sama Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima yang dibentangkan oleh Perdana Menteri baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan ini saya ingin menyentuh dua masalah yang utama yang menjadi pokok dalam hidangan buku Kajian Separuh Penggal ini. Pertama, matlamat perpaduan kaum, dan kedua, membasmi kemiskinan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sudah 30 tahun lebih negara kita mencapai kemerdekaan dan sudah masuk ke penggal yang kelima rancangan Malaysia atau DEB telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mengisi kemerdekaan negara, khususnya untuk menyusun semula masyarakat Malaysia. Walaupun usia telah meningkat 30 tahun lebih, namun masih terdapat beberapa kelemahan dan masih banyak ruang-ruang yang boleh diperkatakan dan dipertikaikan oleh semua pihak. Hal seperti ini tidak dapat dinafi dan ditolak bahkan mesti diakui oleh Pihak Kerajaan sendiri. Inilah yang membuat selera anggota-anggota Dewan bangun bercakap dalam Dewan sejak usul ini dibentangkan beberapa hari sudah.

Tuan Yang di-Pertua, PAS tidak pernah menolak, apa lagi menentang sebarang usaha dan cita-cita baik Kerajaan termasuk Dasar Ekonomi Baru yang ditunjuk melalui buku yang ada di hadapan kita ini untuk mewujudkan perpaduan rakyat berbilang kaum atau masyarakat majmuk dan untuk membasmi kemiskinan dan memerangi sebarang bentuk berupa kesengsaraan hidup golongan "musta'afin, lebih-lebih lagi memandang kepada Islam yang sentiasa menggalak umatnya supaya membasmi kemiskinan dan membina kekukuhan ekonomi supaya hidup dalam keadaan stabil dan risiko kepapaan hidupnya amat tinggi sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w. maksudnya: "hampir-hampir kepapaan dan kemiskinan hidup itu membawa kufur". Begitulah juga keperluan ekonomi dan kestabilan hidup dipandang begitu tinggi oleh Islam, bahkan ia satu juzuk dari amalan hidup umatnya. Rasulullah s.a.w. bersabda, maksudnya: "akan tiba masanya kepada manusia di mana masing-masing mereka memerlukan wang ringgit untuk menegakkan urusan agama dan dunianya".

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pihak kerajaan meletakkan harapan begitu besar dan tinggi dalam usaha menyatupadukan rakyat dan membasmi kemiskinan hidup mereka melalui buku Rancangan Malaysia Kelima tetapi gagal atau hanya baru berada di tahap 19% sahaja sedangkan Kerajaan telah menghabiskan masa berpuluh tahun dan telah melakukan dengan penuh dayausaha, maka untuk mencapai cita-cita yang utama itu saya ingin menarik perhatian Kerajaan supaya melihat lebih dekat punca-punca kegagalan dan berani mencuba mengalih pandangan ke arah sesuatu yang lebih positif.

Saya yakin, Tuan Yang di-Pertua, kegagalan Dasar Ekonomi Baru negara dan kegagalan usaha Kerajaan menyatupadukan rakyat berbilang kaum bukanlah kerana kelemahan jentera kerja dan kurang kemantapan berfikir tetapi kerana terlampau banyak penyelewengan dan salahguna kuasa serta tindakan-tindakan menjadi rakus. Misalnya, tema yang ditunjuk oleh Kerajaan dalam pilihanraya-pilihanraya umum "Tradisi Membela Rakyat" telah bertukar menjadi "Tradisi Membelah Rakyat": UMNO dibelah dua; Hakim-hakim dibelah dua; Peguam-peguam dibelah dua; Raja-raja dibelah dua; Kesatuan-kesatuan Sekerja dibelah dua dan seterusnya berlaku dengan bentuk pecah-pecah memerintah. Lebih-lebih lagi, Tuan Yang di-Pertua, dasar ekonomi. . . . .

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Sungai Petani minta penjelasan.

**Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad:** Tidak payah, tidak beri jalan.

Lebih-lebih lagi, Tuan Yang di-Pertua, dasar ekonomi dan usaha yang dicita-cita itu tidak dibina atas tapak yang kukuh, tapak yang bertunjang dan berteraskan kepada Islam, tetapi dibina hanya semata-mata di atas asas kebendaan dan materialisme yang ianya amat rapuh dan reput, maka berlakulah kegagalan. Firman Allah s.w.t., maksud: "Kalau engkau berbelanja semua apa yang ada di dalam bumi ini untuk menyatupadukan hati manusia nescaya engkau tidak dapat menyatupadukan hati-hati mereka, akan tetapi Allah sahajalah yang dapat menyatupadukan hati mereka. Sesungguhnya Allah amat mulia lagi amat bijaksana".

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai cita-cita yang sebenar dan untuk menjayakan usaha yang utama seperti yang disarankan oleh buku Kajian Separuh Penggal ini, saya lebih cenderung mengalih pandangan Kerajaan supaya merenung kepada petunjuk Al-Quran dan melihat lebih dekat apa yang disarankan oleh Allah melalui ayatNya, ayat ini amat jelas, Tuhan menyarankan kepada kita bagaimana caranya untuk mewujudkan perpaduan ummah di kalangan rakyat dan bagaimana pula usaha kita untuk membangunkan ekonomi mereka supaya hidup stabil dan bersatupadu. Tuhan menjelaskan dalam ayat ini, iaitu sesiapa sahaja yang diberi kuasa untuk memerintah atau diberi peluang untuk memimpin ummah atau ada di tangannya Kerajaan yang boleh mengendalikan urusan rakyat jelata, maka hendaklah ia melaksanakan 4 perkara pokok sebagai projek utama dan rancangan yang dikenalpasti.

Pertama, Tuhan minta Kerajaan mendidik rakyat supaya bersembahyang kerana sembahyang adalah merupakan latihan rohani dan tarbiyah peribadi setiap insan atau individu sebagai anggota masyarakat untuk membersihkan batin dan

jiwanya supaya sanggup patuh dan tunduk kepada kebesaran Allah yang maha kuasa dan maha segala maha dan ia tidak akan merasa besar dan lebih walau berada di mana sekalipun di mana sifat dan peribadi setiap orang bersembahyang itu mesti niat, kata dan buat kesemuanya baik dan betul belaka dan rupa orang sembahyang sama ada seorang atau berjemaah sentiasa berada di dalam keadaan baik, patuh, bersatu, adil, timbangrasa, tunduk, ikhlas, jujur, bertanggungjawab, tenang jiwa dan suka kepada kejayaan dan roh sembahyang itulah yang menjadi tali dan jambatan penghubung antara manusia dengan Allah dan ini besar ertinya. Kalau semua hidup manusia berlaku dengan rupa sembahyang tentulah perpaduan dengan sendirinya wujud dan tidak akan ada unsur-unsur perpecahan dan permusuhan di kalangan masyarakat kerana sembahyang itu sendiri mencegah segala perkara munkar, Maksudnya, "sesungguhnya sembahyang itu akan mencegah daripada melakukan perkara fasiq dan munkar".

Yang kedua, Tuhan minta supaya Kerajaan mengajar manusia mengeluarkan zakat kerana zakat adalah merupakan usaha dan kegiatan tolong-menolong, bantu-membantu di antara satu sama lain di mana orang kaya dan hartawan tidak akan merasa megah dan sombong dengan harta kekayaan walaupun sebanyak mana dapat dimiliki dan dikumpul kerana harta kekayaan itu adalah amanah Allah yang mesti dijaga, tidak boleh diguna dengan sewenang-wenang atau tidak tentu arah, apa lagi untuk jalan membazir dan maksiat, bahkan ia dengan hartanya mesti membantu dan menolong sesiapa sahaja yang perlu kepada pertolongan dan dengan kemurahan hati orang kaya pula, maka si miskin dan golongan "musta'afin" tidak akan merasa hina, sedih dan dukacita kerana ia akan sentiasa dapat pertolongan, perlindungan dan bantuan dari si kaya. . . . .

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua D. P. Vijandran):** Yang Berhormat. . . . .

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** . . . . .kerana ia bukan lintah darat, pemerah harta orang. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, Yang Berhormat dari Pendang bangun.

**Tuan Othman bin Abdul:** Minta penjelasan sedikit.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tidak beri.

**Tuan Othman bin Abdul:** Minta penjelasan sedikit dengan "musta'afin" ini.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tidak beri.

**Tuan Othman bin Abdul:** Hendak minta penjelasan mengenai "musta'afin" ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Dia tidak beri, Yang Berhormat, kalau tidak beri, duduk!

**Tuan Othman bin Abdul:** Tidak mahu beri fasal "musta'afin"?

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Bolehlah saya beri maknanya.

**Tuan Othman bin Abdul:** Fasal "musta'afin", hendak minta itu sahaja.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Sepatutnya saya tidak. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Kalau beri, duduk Yang Berhormat (*Ketawa*).

**Tuan Othman bin Abdul:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa memberikan penjelasan ayat 75 dalam Surah An Nisaa'. Apa maksud Allah di situ, juga disebutkan bahawa dasar mengabui mata manusia lain.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalimah itu tidak ada orang yang kelabu kalau dia faham Islam, mungkin Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sahaja. Maksud ayat ini, orang yang tertindas, orang yang lemah, orang yang tidak dapat pembelaan daripada mana-mana pihak. Dan orang ini sentiasa dengan doa untuk mendapat pertolongan daripada Allah supaya kezaliman tidak berlaku seperti apa yang dilaku oleh Barisan Nasional hari ini. (*Ketawa*)

**Tuan Othman bin Abdul:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Pendang bangun lagi.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tidak, cukuplah Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Othman bin Abdul:** Takut, tidak mahu beri lagi. Hendak beri sedikit.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, . . . . .

**Tuan Othman bin Abdul:** Hendak tanya dia, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, tidak boleh ganggu begitu. Teruskan Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, kerana ia akan sentiasa dapat pertolongan, perlindungan dan bantuan dari sikaya kerana ia bukan lintah darat, memerah

harta orang dan penindas manusia miskin. Bahkan orang-orang kaya di zaman Rasulullah s.a.w. merupakan bank simpanan kepada si miskin dan si miskin akan dapat saham sama dari mereka di atas nama zakat khususnya zakat tahunan selain daripada derma-derma biasa dan zakat ini sebagai jambatan dan tali penghubung pula di antara satu sama lain. Dengan ini penderitaan tidak akan berlaku dan tidak berpanjangan.

Yang ketiga, Tuhan minta melaksanakan amal makruf dengan mendidikkan dan menyeru umat manusia suka berbuat kebaikan dan hidup penuh dengan budaya-budaya kebajikan dan kebaikan. Suka belajar, suka membaca, suka bekerja, suka menolong, suka berpakat, suka bekerjasama, suka menegak kebenaran dan hak, suka membela orang-orang lemah, suka mematuhi titah perintah, suka hidup berdikari, tidak suka berharap kepada orang lain dan tidak menggantung nasib kepada orang lain kerana membuat kebaikan adalah budaya hidup yang semestinya ada pada setiap individu Islam. Dan Islam menuntut hidup dengan cara membuat kebaikan.

Yang keempat, Tuhan minta supaya kuasa yang ada di tangan itu hendaklah diguna sepenuhnya untuk mencegah mungkar dan menentang serta menghapuskan apa sahaja bentuk penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan mestilah memerangi habis-habisan segala punca-punca maksiat dan kekarutan yang bercanggah dengan syariat Islam dan memusnahkan kemakmuran hidup rakyat sama ada berupa perbuatan, ajaran, peralatan, permainan dan sebagainya yang menyentuh akidah dan pegangan hidup umat Islam. Selagi usaha-usaha Kerajaan tidak menyeru benar-benar ke arah membasmi penyelewengan, rasuah, penipuan, salahguna kuasa dan pembolotan sumber-sumber kekayaan ekonomi untuk peribadi atau sekumpulan orang tertentu sahaja

maka selama itulah cita-cita perpaduan dan pembangunan ekonomi rakyat akan gagal dan sia-sia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan kepada Kerajaan supaya dalam usaha mengkaji buku Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima ini hendaklah dapat diwujudkan rancangan pembangunan rohani, pembangunan insan dan pembangunan ummah dan mestilah setiap projek yang hendak dilaksanakan itu berteraskan kepada keimanan dan berlandaskan kepada tunjuk ajar Islam kalau benar-benar mahu melihat perpaduan berlaku dan ekonomi terbangun. Jadikanlah empat saranan yang dikemukakan oleh ayat Al-Quran tadi sebagai panduan dan asas yang dikenal pasti bagi melaksanakan dasar ekonomi negara, kemudian dia serahlah kepada Allah untuk menentukan berjaya ataupun tidak setelah syarat-syarat disediakan dengan secukup-cukupnya kerana Allah sahaja yang berkuasa dan menentukan segala kehendak dan cita-cita kita manusia.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, satu minit lagi.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, kalau berpandu kepada petunjuk Al-Quran dan Islam bukan sahaja setakat berjaya dalam usaha Kerajaan tetapi beban pun akan berkurangan dan Buku Rancangan Malaysia Yang Kelima yang begini indah dan menarik tidak payah dikeluarkan dan tidak akan menelan belanja yang besar dan banyak, bahkan cukup dengan menggunakan keterangan-keterangan ayat dalam Al-Quran yang tidak begitu menarik pandangan zahir dan rupanya seperti buku ini, sebab, Tuan Yang di-Pertua, rupa dua-dua buku ini begitu sekali indah dan menarik selain daripada belanjanya yang agak besar. Dan rupa buku ini saya perhatikan samalah seperti teh tarik dan "colour"

teh tarik tetapi teh tarik dengan teh biasa adalah sama sahaja rupanya dan rasanya tetapi orang-orang sekarang lebih suka kepada teh tarik kerana dapat diminum cepat kerana suhunya kurang panas. Begitulah agaknya buku ini walaupun menarik pandangan tetapi isinya tidak ada apa-apa yang menarik cumanya dikeluarkan juga kerana Kerajaan tahu rakyatnya sekarang sedang panas dan hangat, mudah-mudahan dengan keluarnya buku ini akan jadi reda dan suhunya kurang.

Begitulah contohnya Tuan Yang di-Pertua, perempuan-perempuan yang ada di hotel-hotel dan di kelab-kelab malam dengan perempuan-perempuan yang ada di rumah dan di kampung-kampung, tidak ada beza apa-apa, cuma yang di hotel-hotel dan di kelab itu menawan hati dan tarikan kerana hias tubuh dan cara lakonan agaknya bergaya dan menarik. Tetapi kalau hendak dipilih dan dijadikan suri-suri rumah dan ibu anak-anak pula terpaksa jugalah kena pilih yang lain walaupun di kampung rupa pakaiannya kurang menawan hati. Sebab yang di hotel dan di kelab-kelab itu merbahaya dan ada penyakit-penyakit dan cronic agaknya. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Perdana Menteri walaupun perpaduan menjadi tujuan utama Dasar Ekonomi Baru tetapi Perdana Menteri tidak menyentuh langsung dalam ucapannya mengenai perpaduan. Ini menunjukkan usaha Kerajaan telah gagal kerana Kerajaan telah hilang punca. Perdana Menteri bukan orangnya yang mampu mewujudkan perpaduan walaupun ekonomi itu satu aspek yang boleh menyatukan rakyat tetapi ekonomi sahaja tidak berupaya untuk mewujudkan perpaduan. Perpaduan yang hendak diwujudkan bukanlah untuk menyatukan makhluk seperti kayu, batu dan besi tetapi apa yang hendak disatu itu adalah manusia yang mempunyai rasa dan sebagainya.

Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri ucapan saya, saya harap Kerajaan hari ini janganlah semata-mata untuk melihat musuh, untuk melihat Pembangkang, untuk menuduh dan sebagainya tetapi harus Kerajaan menyedari kelemahan sendiri supaya Kerajaan bertanggungjawab memperbetulkan segala-galanya.

Itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya harap apa yang saya sarankan ini akan mendapat perhatian kepada Kerajaan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Hulu Selangor.

3.28 ptg.

**Tuan S. S. Subramaniam (Hulu Selangor):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut membahaskan dan mengambil bahagian di atas Kertas Perintah 23 yang telah dibentangkan ke Dewan yang mulia ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada 28hb Jun, 1989.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri kita yang kita kasihi, yang telah membentangkan suatu kertas kerja yang begitu lengkap dengan butir-butir yang amat perlu bagi kita mengetahui keadaan yang sebenarnya berkaitan dengan pencapaian negara kita pada separuh penggal Rancangan Malaysia Kelima. Tetapi malangnya kertas kerja ini tidak mempunyai butir-butir lengkap untuk menunjukkan penglibatan setiap kaum dalam setiap bidang ekonomi kita seperti pekerjaan, pelaburan dan pembuatan. Saya ingin memohon kepada Kerajaan untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan seperti ini dalam laporan bagi Rancangan Malaysia Keenam yang akan dibentangkan kepada Dewan yang mulia ini pada akhir tahun 1990.

Ada pihak yang boleh menganggap butir-butir tersebut seperti sensitif, tetapi saya ingin beritahu, kerja Majlis Perundingan Ekonomi Negara kita tidak boleh disempurnakan tanpa butir-butir tersebut dan hanya dengan butir-butir ini kita boleh mengelakkan "wild rumours", dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua dimaklumkan tujuan Dasar Ekonomi Baru yang telah pun diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada tahun 1971. Kita semua juga dimaklumkan sejauh mana ekonomi negara kita telah berkembang dari tahun 1971 hingga ke tahun 1985 dan hasrat DEB juga telah pun dipenuhi dengan banyak kemajuan yang telah dicapai bagi membasmi kemiskinan dan mengurangkan jurang perbezaan antara kaum, khasnya daripada pekerjaan dan hakmilik harta antara kaum bumiputera dan bukan bumiputera. Dari segi pekerjaan pihak bumiputera telah menjadi golongan majoriti dalam banyak aspek ekonomi negara kita, dari segi pelajaran juga, bukan sahaja kaum bumiputera telah muncul sebagai kaum majoriti di institusi-institusi pelajaran bahkan juga kaum yang mentadbir dengan penuhnya semua aspek pelajaran di negara kita. Dari segi pemilikan harta dan pelaburan dalam sektor korporat peratusan yang dipunyai oleh kaum bumiputera telah meningkat dari 2% dalam tahun 1970 ke 19% pada tahun 1988.

Tuan Yang di-Pertua, semasa saya menyokong dengan penuhnya tujuan Dasar Ekonomi Baru dan sewaktu saya memuji Kerajaan di atas kemajuan yang telah dicapai oleh kaum Bumiputera, saya juga terpaksa membawa kepada perhatian Dewan yang mulia ini keadaan kaum India di negara kita pada masa yang sama. Dari segi gunatenaga kaum India seringkali dituduh sebagai kaum yang bermonopoli bidang profesional. Tetapi apabila kita mengkaji dengan

sedalam-dalamnya keadaan sebenarnya dalam negara kita, kita terdapat pada tahun 1985, hanya 8% jumlah orang profesional dan teknikal yang berada di negara kita terdiri dari kaum India. Dalam bidang pentadbiran dan pengurusan hanya 0.6%, kerani dan guru 7.3%, orang-orang penjual barang dan perkhidmatan 8.3%, pekerja-pekerja kilang 35.8% dan pekerja-pekerja ladang 40%.

Butir-butir ini menunjukkan dengan jelasnya selain daripada 8% profesional yang boleh berdikari, 92% kaum India masih bergantung di atas pendapatan harian dengan kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang. Janganlah kita menganggap kedudukan kaum India di negara kita hanya dengan kedudukan golongan profesional tersebut. Kedudukan 75.8% kaum India sebagai pekerja-pekerja buruh membimbangkan pucuk pemimpin kaum India di negara kita. Statistik-statistik dari Rancangan Malaysia Kelima menunjukkan bahawa peluang-peluang pekerjaan bagi masyarakat India dalam sektor awam dan sektor swasta hanya meningkat dalam bidang pekerjaan buruh dan perkara ini telah menimbulkan perasaan sensitif iaitu pada masa akan datang kaum India hanya akan dilihat di negara ini sebagai pekerja buruh, peon-peon dan pemandu-pemandu kereta untuk lain-lain kaum.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kelima telah menyentuh pendapatan purata dan penengah isirumah bulanan pada tahun 1987, sebagai \$867.00 bagi kaum Bumiputera, \$1,444 bagi kaum Cina dan \$1,088 kaum India. Walaupun dari segi statistik kaum India menduduki di atas kaum bumiputera, apabila pendapatan 8% golongan profesional tersebut diketepikan, saya berpendapat, pendapatan isirumah bulanan oleh kaum India boleh terjatuh ke bawah taraf kaum bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, maksud saya ialah untuk Dewan yang mulia ini menumpu serta memberi lebih perhatian kepada 92% golongan kaum India tersebut, khasnya kepada 75.8% kategori buruh, yang berada di negara kita. Merekalah yang menduduki di estet-estet dan kawasan-kawasan perumahan haram yang berada berhampiran dengan bandar-bandar. Merekalah yang telah menyumbang dengan bersungguh-sungguhnya untuk mempertingkatkan ekonomi negara kita sejak perpuluh-puluh tahun sebelum kemerdekaan kita. Tetapi bagaimana kedudukan mereka dari segi perumahan, persekolahan, kemudahan asas seperti air, elektrik, klinik, jalan tar dan sepeertinya.

Masalah ladang-ladang dan kawasan-kawasan haram telah pun disuarakan di Dewan yang mulia ini beribu-ribu kali. Tetapi apakah perubahan yang telah berlaku? Dalam sebahagian kecil estet-estet rumah-rumah baru telah disiapkan oleh majikan tetapi saya difahamkan masih berada lebih kurang 80% pekerja-pekerja di ladang-ladang di bawah rumah-rumah yang mempunyai satu bilik tidur sahaja, tidak mempunyai kemudahan air, elektrik, klinik dan dilengkapi dengan sekolah-sekolah yang boleh dianggap sebagai rumah-rumah haram sahaja. Apakah nasib golongan ini pada masa akan datang? Selain daripada kerja-kerja buruh, mereka tidak mempunyai cara yang lain untuk menaiki taraf kehidupan mereka dan merekalah yang telah menjadi "victims of present social circumstances", dengan izin. Saya dapati lebih daripada 30% orang-orang dalam penahanan di penjara-penjara Malaysia berasal dari kaum India dan sebahagian besarnya ialah pemuda-pemuda dan inilah golongan yang telah menjadi mangsa Dasar Ekonomi Baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan-kawasan perbandaran ada beberapa agensi-agensi Kerajaan yang sedang membangun sistem perumahan untuk

memindah kawasan-kawasan haram di sekitar bandar. Tetapi dengan keadaan sistem quota seperti 70% bumiputera dan 30% bukan bumiputera, masalah penempatan kaum India dari kawasan-kawasan haram masih tidak dapat diselesaikan. Di sini saya juga terpaksa membawa ke perhatian Dewan yang mulia ini beribu-ribu pekerja-pekerja dari Indonesia yang berada di kawasan haram telah berjaya menjadi warganegara Malaysia dan mendapat kemudahan perumahan dari agensi-agensi Kerajaan, tetapi kaum India yang telah taat setia dengan bersungguh-sungguh kepada negara kita dan yang telah menyumbang untuk mempertingkatkan negara ini selama 100 tahun masih berada di kawasan-kawasan haram. Saya ingin bertanya Kerajaan macam manakah kita akan mengelakkan perasaan negatif terhadap Kerajaan jika perkara-perkara seperti ini berlaku?

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya suka juga menyentuh berhubung dengan kedudukan kaum India di sektor perniagaan dan pemilikan harta di negara kita. Dalam sektor perniagaan selain daripada sektor profesional yang saya telah sentuh tadi, mengikut statistik dalam Rancangan Malaysia Kelima pegangan kaum India pada tahun 1981 dalam perniagaan jualan barang 2.6%, jualan runcit 6.1%, pengusaha pengangkutan jalan 2.7%, syarikat perkapalan 0%. Agensi pelancongan dan pengembaraan 5.7%; hotel dan penginapan 0.3%, studio gambar 0.1% dan panggung wayang 0.9%. Saya rasa jika statistik untuk tahun 1988 boleh diperolehi, pegangan kaum India tidak berubah ataupun boleh berkurang dari statistik tersebut. Dalam sektor korporat, pemilikan ekuiti oleh kaum India hanya berubah dari 1% pada tahun 1970 ke 1.5% pada tahun 1985 semasa kaum Bumiputera telah meningkat dari 2% ke 19% mengikut ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua, bantuan Kerajaan dalam sektor perniagaan dari segi kewangan, pinjaman, skema latihan, pembangunan keusahawanan dan promosi perniagaan kecil dan sederhana kepada masyarakat India telah diabaikan. Sejauh mana saya ketahui dari jumlah pinjaman yang telah diberi oleh sistem kewangan di negara kita kepada perniagaan kecil dan besar tidak melebihi 1% atau 2% yang telah diberi kepada kaum India. Begitu juga dari segi sistem latihan untuk perniagaan yang sedang dijalankan oleh Kerajaan. Saya sebagai Ketua Jawatankuasa Perniagaan Kecil MIC telah memohon kepada Pusat Latihan Pemuda di Pertak Selangor, untuk menjalankan suatu kursus bagi satu minggu untuk pemuda kaum India dan saya dipaksa bayar \$250 seorang. Tetapi di tempat itu sahaja beribu-ribu pemuda kaum bumiputera telah dilatih dan telah memulakan perniagaan persendirian secara percuma.

Saya mahu bertanya kepada Kerajaan bagaimanakah kita boleh mengabaikan perasaan negatif terhadap Dasar Ekonomi Baru jika perkara-perkara tersebut boleh berlaku di masyarakat kita. Dalam konteks ini satu aspek yang amat penting ialah tindakan yang diambil oleh Kementerian Kewangan dan Bank Negara di atas beberapa koperasi-koperasi yang dimiliki oleh kaum India serta United Asian Bank, Cooperative Central Bank dan Bank Buruh. Institusi-institusi tersebut telah menjadi nadi ekonomi kaum India dan apa sahaja bantuan yang kaum India telah memperolehi untuk menaikkan ekonomi mereka dalam tempoh Dasar Ekonomi Baru hanya diberi oleh institusi-institusi ini sahaja. Tetapi pada masa kini nampaknya beberapa pihak dengan bantuan dari pihak tertentu dari Kementerian Kewangan dan Bank Negara sedang mengambil alih kuasa dan aset tersebut yang dimiliki oleh kaum India hingga masa kini. Kepada mereka, saya ingin

mengucap di sini kami dari kaum India menyedari dengan penuhnya apa yang sedang berlaku "behind the scenes and who are the front men", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon kepada Menteri Kewangan untuk menjaga kepentingan kaum India di institusi-institusi tersebut dan menjaga mereka tidak beralih kepada mana-mana kaum lain dan jika ini berlaku di atas apa-apa sebabnya perasaan negatif kaum India di atas Kerajaan tidak boleh dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pendidikan sekolah-sekolah yang berada di kawasan-kawasan perladangan di bawah mana terdapat lebih kurang 50% penuntut-penuntut kaum India masih mempunyai kekurangan tenaga pelajar serta kemudahan-kemudahan asas seperti bilik darjah, kerusi meja dan tandas sempurna. Seterusnya kadar peralihan murid-murid ke sekolah menengah dan institusi-institusi tertinggi telah pun dianggarkan sebagai kurang daripada 5% sahaja.

Apabila kita mohon untuk peruntukan untuk membaiki sekolah-sekolah tersebut, jawapan dari Menteri Pendidikan ialah sekolah-sekolah tersebut ialah sekolah bantuan modal yang diduduki di atas tanah orang persendirian. Apabila kita dapat kebenaran untuk memiliki tanah tersebut sebagai tanah Kerajaan, jawapan dari Kementerian ialah Kerajaan tidak mempunyai peruntukan untuk membeli tanah-tanah berkenaan. Saya ingin bertanya dimanakah salahnya dan siapakah yang bersalah? Jika ini tidak salah Menteri Pendidikan, siapa lain yang kita boleh persalahkan?

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu aspek penting ialah kemasukan penuntut-penuntut kaum India dalam universiti-universiti tempatan, maktab perguruan, politeknik dan sebagainya.

Baru-baru ini saya dapati dari jumlah 160 penuntut yang telah diambil oleh Universiti Kebangsaan Malaysia bagi sesi 1989, untuk Fakulti Perubatan, 132 terdiri dari kaum bumiputera, 29 dari kaum Cina dan 1 sahaja dari kaum India. Apabila seorang penuntut telah menghadapi pihak pentadbiran dengan sepucuk surat dari orang politik kaum India, surat itu telah dicampak di tong sampah dan jawapan yang telah diberi ialah "mana ada quota untuk kaum India dan jangan campur politik dalam UKM ini". Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan Vice-Chancellor UKM, jika tidak ada campuran politik dalam hal university intake, bagaimanalah tuantuan telah berjaya memasuki 132 murid kaum bumiputera ke Fakulti Perubatan di UKM pada sesi ini?

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara tersebut telah melahirkan suatu perasaan tertinggal dalam kaum India daripada menikmati kek yang sedang diperluaskan dalam tempoh DEB. Sebenarnya, mereka merasa bimbang pada masa akan datang mereka akan tertinggal sehingga mereka akan menjadi hanya golongan pekerja-pekerja buruh di negara kita. Inilah sebabnya kita dapati sebahagian kecil kaum India yang sedang menyokong parti Pembangkang dari segi politik di negara kita tetapi lebih kurang 95% lagi kaum India masih menyokong dengan bersungguh-sungguh parti Barisan Nasional. Saya ingin memohon kepada pucuk pimpinan kita . . . . .

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan, beri jalan atau tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat, bagi jalan atau tidak?

**Tuan S. S. Subramaniam:** Tidak beri.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tanya sedikit pun tak boleh beri juga?

**Tuan S. S. Subramaniam:** Boleh duduk. Saya tidak beri. Saya ingin memohon kepada pucuk pimpinan kita untuk mengkaji dengan sedalam-dalamnya bagaimana nasib kaum India yang bermastautin di negara ini boleh dipertingkatkan dalam Rancangan Malaysia Keenam dan turut menikmati pembahagian ganjaran ekonomi yang akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Jika tidak, janganlah kita salahkan kaum India jika mereka menunjuk perasaan negatif kepada parti Barisan Nasional dan Kerajaan kita.

**Tuan Zubir bin Embong:** Point of order.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Tidak beri—tidak beri.

**Timbalan Yang di-Pertua, (Tuan D. P. Vijandran):** Point of order.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, saya dengan rendah diri ingin membantah ucapan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Selangor.

**Dr Tan Seng Giaw:** Point of order berapa . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua, (Tuan D. P. Vijandran):** Peraturan berapa Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Zubir bin Embong:** Ini peraturanlah yang disebut — yang sibuk itu pasal apa?

**Timbalan Yang di-Pertua, (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu . . . . .

**Tuan Zubir bin Embong:** Ya, Peraturan 36, membangkitkan perasaan benci antara satu kaum dengan satu kaum.

**Dr Tan Seng Giaw:** Itu bukan point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua, (Tuan D. P. Vijandran):** Itu bukan point of order.

**Tuan Zubir bin Embong:** Ada di sini.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Boleh saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua, (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu, sila duduk! Ulu Selangor, teruskan.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Negara kita sungguh unik dalam dunia kita iaitu rakyat kita walaupun berasal dari lain-lain negara mempunyai ciri-ciri yang tidak begitu berbeza seperti negara-negara Barat iaitu seperti hitam dan putih. Kita semua mempunyai kuasa dan kebolehan yang sama dan jika berada sedikit sebanyak kekurangan ini boleh diperbaiki dengan pendidikan dan latihan. Dari segi pelancaran Dasar Ekonomi Baru kita tidak boleh nafikan juga kekurangan yang dialami oleh kaum bumiputera, kaum India dan lain-lain kaum dari Sabah dan Sarawak yang masih berada di dalam suasana ketinggalan.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan 36.10 (c) Ahli Yang Berhormat Ulu Selangor, duduk sekejap, point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua, (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat, peraturan berapa?

**Tuan Zubir bin Embong:** 36.10 (c) Perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuh-musuhan di antara satu kaum dengan satu kaum dalam Malaysia atau melanggar mana-mana syarat dalam perlembagaan atau Akta Hasutan 1968. Hujah saya, Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua, (Tuan D. P. Vijandran):** Tak payah hujah itu, Yang Berhormat.

**Tuan Zubir bin Embong:** Saya kena beritahu, ini substantive, but what are the facts?

**Timbalan Yang di-Pertua, (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat, nanti sekejap.

**Tuan Zubir bin Embong:** Dia menyebut soal pelajar Melayu 132, pelajar India seorang, pelajar Cina 29, dan kemudian rasa tak puas hati. Ini sebenarnya tak patut timbul, ini satu dasar yang sudah dipersetujui. Nanti kita kena check pula berapa peratus kaum India di negara ini?

**Timbalan Yang di-Pertua, (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat, biar dia habiskan.

**Tuan Zubir bin Embong:** Berapa peratus kaum India di negara ini, saya tak hendak berbalah, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya hendak beritahu ucapan seperti itu menyentuh perasaan kita. Jadi saya mintalah Ahli Yang Berhormat dari Ulu Selangor janganlah sebut perkara semacam ini, jangan ungkit perkara semacam ini. Jadi kalau India ungkit, Cina ungkit, Melayu ungkit, jadi siapa yang sebenarnya yang puas hati dalam negara ini? Tidak ada manusia yang puas hati. Tidakkah ini membangkitkan satu perasaan bermusuh-musuhan di kalangan rakyat?

**Timbalan Yang di-Pertua, (Tuan D. P. Vijandran):** Sudah Yang Berhormat, saya faham.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Boleh duduk Yang Berhormat dari Kuala Terengganu.

**Tuan Zubir bin Embong:** But I do not know whether you are with me or not, dengan izin.

**Timbalan Yang di-Pertua, (Tuan D. P. Vijandran):** Tunggu Ahli Yang Berhormat, saya akan buat ruling.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya teruskan, tolonglah. Lagi sedikit sahaja.

Kita semua mempunyai kuasa dan kebolehan yang sama dan jika berada sedikit sebanyak kekurangan ini boleh memperbaiki dengan pendidikan dan latihan.

**Timbalan Yang di-Pertua, (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat, satu minit lagi.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta 5 minit lagi, sebab ada banyak gangguan tadi.

Dari segi pelancaran DEB kita tidak boleh nafikan juga kekurangan yang dialami oleh kaum bumiputera, kaum India dan lain-lain kaum dari Sabah dan Sarawak yang masih berada di dalam suasana ketinggalan. Marilah kita mengambil suatu jangka masa yang tertentu untuk mengubahsuaikan ekonomi kaum-kaum ini, tetapi selepas jangka masa kita harus berbalik kepada dekad limapuluhan dan enam puluhan di bawah mana negara kita telah maju dari semua aspek dengan kadar pertumbuhan yang amat memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, dari pengalaman kita dalam Rancangan Malaysia Kelima kita juga telah terbukti negara kita hanya boleh maju dengan kerjasama dari semua kaum dan semua lapisan masyarakat kita. Tetapi kita tidak boleh nafikan juga terdapat satu golongan besar dari kaum bukan bumiputera yang telah menentang DEB ini secara terbuka dan juga tertutup. Perasaan-perasaan dari golongan ini juga harus diambil kira dan tidak boleh diabaikan oleh kerana ini akan menimbulkan suasana yang boleh menjadi satu halangan yang besar untuk menyatupadu semua kaum yang berada di negara ini sebagai rakyat Malaysia dengan fikiran yang bersama.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang perlu ialah untuk Kerajaan mengambil inisiatif yang positif dan sikap yang sederhana terhadap pelancaran DEB pada masa akan datang. Suatu sistem pelancaran di bawah suatu Jawatankuasa yang diwakili oleh semua kaum harus ditubuhkan untuk mengawal perasaan ekstremisma dari mana-mana kaum. Dengan keadaan satu Jawatankuasa seperti ini dan dengan keadaan butir-butir yang lengkap untuk menerangkan keadaan yang sebenar berkaitan dengan setiap kaum dalam setiap aspek ekonomi, penglibatan pihak-pihak ekstremisma di kalangan masyarakat kita boleh dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua, cogankata negara berbunyi, bersekutu kita maju dan bersekutu bertambah mutu. Rakyat kita perlu bantu membantu, bahu membahu demi kemajuan dan kesejahteraan semua rakyat yang berada di negara kita. Tidak ada mana-mana kaum yang boleh maju tanpa kerjasama dari lain-lain kaum. Ada satu pantun yang berbunyi:

Kapal layar ikut arus,

Terus belayar ikut pedoman,

Bergotong royong hidup terus,

Tidak kalah dilambung zaman.

Janganlah kita lupa semangat gotong royong tersebut untuk menubuhkan suatu negara yang aman damai dan sejahtera bagi semua kaum yang berada di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata tersebut, saya mengakhiri ucapan saya dengan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang telah diberi kepada saya pada hari ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Bagan Serai, yang akhir.

3.47 ptg.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin (Bagan Serai):** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Yang akhir!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang akhir!

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah tiga hari berdiri . . . . .

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Bagi pihak rakyat di kawasan Parlimen Bagan Serai — kalau dia hendak bercakap dengan Tuan Yang di-Pertua, takkan saya hendak berucap . . . . .

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Jadi, kalau macam ini caranya, Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat tidak ada di sini.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada, duduk di sini, semenjak mensyuarat bermula.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Apabila kita membuat ruling . . . . .

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tidak, saya memang ada, demi Allah, Tuan Yang di-Pertua. Kali ini saya tak boleh tahan. Sudah tiga hari tunggu di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** You ada dengar ruling?

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Kali ini saya tidak boleh tahan (*Ketawa*). Sudah tiga hari tunggu di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Bersabar sedikit, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Bukan soal sabar, Tuan Yang di-Pertua, kalau ini yang akhir tetapi ramai lagi yang hendak bercakap, saya rasa keadilan tidak ada. Jadi, saya tak boleh tahan macam ini, semenjak dahulu pun. Tuan Yang di-Pertua pun, saya rasa kalau macam ini, keadilannya sama ada di peringkat kepimpinan dan sebagainya, kalau tidak ada susah . . . . .

**Seorang Ahli:** Kepimpinan itu mengapa slow?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat, kita telah menghadkan masa untuk perbahasan ini.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tetapi keadilan itu mesti ada, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Nanti sekejap, Yang Berhormat, jangan bercakap bila saya sedang bercakap. Duduk!

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tak boleh tahan kalau macam ini, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Sabar sedikit, Yang Berhormat, duduklah dulu!

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Saya tak pernah marah macam ini, ini marah betul, (*Ketawa*) dulu main-main, tetapi ini marah betul. Keadilan mesti ada untuk semua bercakap.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Duduk sekejap, biar saya terangkan apa yang terjadi. Saya sedar ada ramai Ahli-ahli Yang Berhormat ingin berucap. Tetapi kita tidak ada masa, pukul 4.00 petang hari ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan menjawab dan juga semua Kementerian lain. Kita tidak ada masa. Mungkin Ahli Yang Berhormat tidak meneliti Order Paper pada hari ini, ada dalam itu kalau diteliti Yang Berhormat mestilah tahu

hari ini kita akan mengadakan jawapan-jawapan dari Menteri-menteri mulai pukul 4.00 petang.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau peluang bercakap bagi ahli Dewan Rakyat terpulang kepada nasib, ditentukan oleh mata Tuan Yang di-Pertua, jadi saya rasa ini patut diperbaiki, patut diperbetulkan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Kalau hendak buat begitu, kita kena ubah Peraturan Mesyuarat. Ahli Yang Berhormat boleh memohon seperti itu. Silakan Yang Berhormat dari Bagan Serai.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Bagi pihak rakyat di kawasan Parlimen Bagan Serai, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap bersama bagi membahaskan ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima yang telah dibuat pada hari Khamis yang lalu. Sungguhpun kajian ini agak melewati masa, tetapi saya percayanya masih boleh diberi pertimbangan untuk di buat beberapa perubahan dalam masa 18 bulan yang akan datang. Mungkin pada masa Kajian rancangan Malaysia Kelima patut dibuat, Kerajaan menghadapi masalah kewangan yang begitu teruk, hutang yang banyak yang patut diatasi. Oleh itu, bagi mengatasi semua masalah ini, Kerajaan telah mengambil keputusan untuk mengurangkan rancangan perbelanjaannya, RML daripada \$74 ribu juta kepada \$54.5 ribu juta. Kekurangan sebanyak \$16.5 ribu juta. Rakyat di kawasan saya tentu berasa susah hati kerana kekurangan yang telah diperuntukkan ini dengan sendirinya mengurangkan pembangunan sut yang

sepatutnya sampai kepada rakyat yang telah dirancang dalam peringkat awal RML 1986 danulu.

Tetapi yang merumitkan saya ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan kekurangan ini tidak akan menjejaskan bahagian sektor ekonomi bahkan dapat dikekalkan seperti yang dirancang dalam RML dan begitu juga dalam sektor sosial boleh ditingkatkan lagi. Bagaimanapun perkara ini boleh berlaku sedangkan peruntukan telah berkurangan sebanyak \$16.5 ribu juta. Alasan bagi membuat pengurangan ini adalah bertujuan untuk mengimbangkan beban Kerajaan dalam masalah hutang negara. Kerajaan telah sedar bahawa hutang yang telah dibuat tanpa perancangan, pulangan yang baik akan menjejaskan kewangan negara dan dengan sekali gus akan menjejaskan pulangan pembangunan yang sepatutnya diterima oleh rakyat terutama sekali rakyat luar bandar.

Sikap agresif dan perancangan yang kurang teliti dalam menjalankan projek-projek tertentu menyebabkan Kerajaan terpaksa menanggung kerugian yang banyak. Ada juga projek-projek yang dibuat dari hasil pinjaman luar yang banyak tetapi pulangan lewat tiada ketentuan dengan alasan pemindahan teknologi.

Saya tidak membantah strategi pemindahan teknologi kalau kita terus menerus menjadi tuan. Tetapi yang saya tidak setuju strategi pemindahan teknologi bermula dengan menjadi tuan dan akhirnya menjadi orang suruhan dengan beban hutang yang mesti kita tanggung. Peringkat awal kita mengurus tetapi akhirnya dikatakan kita tidak cekap maka keseluruhan pengurusan diambilalih oleh pengurus luar. Pada pandangan saya pengambilan alih pengurusan Proton oleh kumpulan pengurus Jepun adalah satu persoalan. Kalau anak

negara ini tidak cekap mereka mesti diberi bimbingan bukan dengan menggantikan mereka.

Begitu juga dengan projek-projek besar, kebanyakan diberi kepada syarikat-syarikat besar luar negeri. Alasannya kerana syarikat dalam negeri tiada kepakaran dan pengalaman. Bilakah syarikat-syarikat ini akan ada pengalaman sedangkan kita sendiri tidak percaya untuk memberi peluang mereka mencuba. Kita hendak mereka mencari pengalaman di luar negeri, macam mana orang di luar negeri hendak percaya kita yang di dalam negeri pun menaruh kesangsian. Hari ini saki-baki Lebuhraya Utara-Selatan diberi pula kepada kontraktor tempatan, UE. Anihnya, kita percaya pula kepada UE sedangkan syarikat ini syarikat tempatan. Dulu kita tidak percaya kepada syarikat tempatan. Syarikat tempatan yang telah diberi, memberi pula sub-kontrak kepada kontraktor-kontraktor tempatan. Baguslah kata orang kampung saya baru kita kata anak-anak dapat sedikit merasa. Dulu orang luar yang dapat kontrak yang dikatakan mereka ini advanced dalam teknologi moden, mereka pun sub kepada kontraktor tempatan. Mana kepakaran mereka? Maintenance Lebuhraya Timur-Barat diberi kepada pakar luar, tetapi yang menjalankan kerja-kerja sebenar ialah kontraktor tempatan. Maknanya mereka percaya kepada kontraktor tempatan. Alasan menolak kebolehan kepakaran tempatan sebagai satu escapism curang kepada budaya dan maruah bangsa serta negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita harap dengan kemasukan pakar asing kita akan dapat memberi peluang pekerjaan yang banyak kepada rakyat negara ini. Prinsip ini adalah baik tetapi hari ini kita bukan sahaja membuka pintu kepada pelabur-pelabur asing, kita juga telah memberi banyak kemudahan, galakan kepada

mereka. Kemudahan ekuti 100%, kemudahan dapat tanah perindustrian dan boleh pula membina rumah kediaman di kawasan ini, saya ingin bertanya adakah Kerajaan juga sudah menawarkan status untuk menetap di negara ini sebagai galakan dan untuk melabur.

Di samping itu Kerajaan telah berjaya menurunkan nilai ringgit kita sebagai satu usaha menggalakkan kemasukan pelaburan asing. Semua kemudahan telah diberi tanpa bilangan, tetapi bilangan pengangguran meningkat sehingga 534,700 orang.

Saya akui kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, peratus pengangguran tidak akan berkurangan selagi rakyat Malaysia terlalu memilih pekerjaan. Ketika beribu-ribu kerja kosong, kata Perdana Menteri, beribu-ribu pula orang menganggur. Tetapi yang menjadi buah mulut orang kampung saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah 10 kerja kosong beratus-ratus pula yang hadir temuduga. Kalau 100 pula yang kosong maka beribu pula yang hadir untuk temuduga. Mereka ini mahu bekerja tetapi tiada pekerjaan. Yang sedang bekerja ada yang dibuang. Ada orang-orang ini mahu terus bekerja, tetapi dibuang pula seperti lebih daripada 370 orang pekerja di Kompleks Kewangan yang berlaku sekarang. Sehingga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri masuk campur. Tidak boleh selesai juga. Hingga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berkata beliau hendak resign kalau tidak boleh diserapkan mereka-mereka yang terlibat ini ke dalam mana-mana tempat. Apa sudah jadi sekarang? Semua ini berlaku dalam masa ekonomi negara sedang pulih baik. Ekonomi meleset: pekerja dibuang. Ekonomi pulih: pekerja dibuang. Pekerja yang mahu kerja juga dibuang. Sesungguhnya Kerajaan gagal mengatasi masalah ini. Kerana

pertumbuhan purata ekonomi negara kita hanya sampai ke tahap 5.8% sahaja sedangkan kalau mahu mengurangkan masalah pengangguran, pertumbuhan ekonomi negara mesti mencapai perkembangannya ke tahap 7% setahun. Ini kata Perdana Menteri.

Dengan kadar pengangguran yang bertambah dan terdapat pula pertambahan bilangan pengangguran 'elite' bagaimana dalam kajian ini boleh dibuat kesimpulan bahawa kemiskinan akan berkurangan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan anak-anak petani, nelayan, penoreh getah dan petani ladang (estate workers) bila lulus pengajian tinggi akan dapat pekerjaan yang lebih baik dari ibubapa mereka dengan sendirinya menaikkan taraf hidup mereka. Memang betul, kalau dapat kerja. Tetapi mereka juga turut menganggur dan ada yang terpaksa balik jadi nelayan dengan kelulusan computer science dan sebagainya. Kalau sudah ramai elite yang menganggur menandakan negara menghadapi bahaya. Kerajaan mesti merancang dan mernyerapkan mereka ini dengan rancangan yang disusun oleh Kerajaan sendiri. Kerajaan untuk seketika ini jangan sangat mengharap pihak swasta kerana mereka lebih berorientasikan kepada keuntungan besar. Mereka membuang pekerja terkadang-kadang dengan satu alasan yang tidak menasabah. Tetapi kerana kata pemutus di tangan mereka rakyat kita menjadi mangsa. Siapa kata negara kita tiada industrial peace. Mana ada industri yang ditutup kerana berlaku kacau-bilau yang dibangkitkan oleh pekerja.

Kalau mengikut teori Perdana Menteri, negara ini enjoy industrial peace patut enjoy bayaran gaji yang tinggi. Tetapi berapa gaji perkerja-pekerja industri negara kita ini. Kalau negara kita tiada industrial peace masakan ramai pelabur asing akan melabur di negara ini. Oleh itu saya

mahu Kerajaan mahu meningkatkan pengawasan the scrupulous industrialists kerana adanya industrial peace ditambah dengan gaji yang rendah di negara ini mereka jangan mengeksploitasikan kalangan masyarakat pekerja kita. Apakah sudah ada industrial unrest maka Kerajaan telah menggalakkan penubuhan satu lagi Kesatuan Sekerja. Bolehkah Kerajaan memberi jaminan dengan penubuhan Kesatuan Sekerja yang baru akan menjamin satu industrial peace dan dengan itu pekerja-pekerja industri akan mendapat bayaran gaji yang tinggi. Patutnya Kerajaan mencari jalan menyatu mereka ini tetapi Kerajaan lebih suka melihat pertelagahan dalam masyarakat dan kepimpinan perindustrian kita. Saya tidak tahu adakah ini approach divide and rule, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, kalau berlaku berterusan maka negara kita tidak akan melihat jalinan yang murni yang akan lahir di antara kaum dan lapisan masyarakat. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri tidak yakin walaupun dalam satu jangka masa yang panjang kita akan berjaya menyusun semula masyarakat. Kalau Perdana Menteri sudah tidak ada keyakinan untuk memberi satu cahaya baru dengan penyusunan masyarakat yang lebih sempurna pada siapa rakyat akan bertanya. Tetapi kalau tanya Timbalan Perdana Menteri pula saya percaya dalam semua ucapan beliau amat yakin sekali sehingga beliau sanggup meletak jawatan sekalipun kalau sesuatu yang beliau yakin berlaku sedangkan ianya tidak berlaku. Yang Berhormat Menteri Pendidikan sekarang ini sangat mengambil berat tentang tabung usahawan tetapi Menteri Kewangan pula tetap kata ringgit kita kukuh walaupun nilai lebih rendah dari negara jiran. Duit hilang menjadi-jadi, menipu menjadi-jadi, judi menjadi-jadi, berselisih faham menjadi-jadi, pindaan Akta menjadi-jadi,

pilihanraya menjadi-jadi; mungkin semua inilah yang menjadikan Perdana Menteri tidak yakin penyusunan masyarakat dalam jangka masa yang panjang boleh tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, adakah dengan ini kita akan menunggu blue print yang akan dikemukakan oleh Majlis Perundingan Ekonomi Negara. Bagaimana mahu menyusun semula masyarakat kita. Adakah perlu diingatkan masyarakat luar bandar amat dahaga kepada semua pembangunan ekonomi, pelajaran, sosial dan kemudahan asas dan lain-lain lagi . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat tinggal satu minit lagi.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Ya. Banyak lagi masyarakat luar bandar yang tidak mendapat kemudahan ini. Sudah lama kita merdeka tetapi mereka masih tidak mendapat kemudahan ini. Kalau Kerajaan kata Kerajaan tiada wang untuk buat pembangunan, rakyat sudah tentu tidak percaya, kerana Kerajaan boleh buat semua. Rakyat dengar kata pemimpin Kerajaan tidak pernah mungkir janji tetapi yang dijanjikan tidak sampai. Kerajaan boleh melulus peruntukan luar bandar dengan banyaknya tetapi arahan dan kelulusan pembangunan hanya sampai ke Pejabat Daerah pada bulan Jun ke atas.

Rancangan satu tahun untuk dibuat selama 6 bulan, dengan itu peruntukan yang diluluskan tidak habis dibelanja pada tahun yang berkenaan. Bila berlaku perkara ini pegawai-pegawai Kerajaan menjadi tempat tuduhan, kata orang. Ada kontraktor yang disuruh kerja dahulu tetapi selepas itu sampai tiga empat bulan tidak sampai bayarannya, kontraktor pun menghadapi masalah. Penyakit ini mestilah diperbaiki atau direntikan. Masyarakat luar bandar khasnya bumiputera menerima nasib ini.

Di bidang korporat pula, terpaksa bersama dengan orang lain yang lebih berpengalaman atau dengan bumiputera yang sudah kaya raya. Banyak orang-orang bukan bumiputera mengatakan orang-orang bumiputera banyak itu, banyak ini. Tetapi kalau mereka boleh berkata, kita juga boleh berkata. Kuasa beli bumiputera tidak sekuat dengan kuasa beli yang ada pada kaum-kaum yang lain, ditambah pula dengan kuasa beli yang ada pada golongan dagang yang baru. Mereka sudah membeli semua bangunan-bangunan indah di kota raya kita. Kita menumpang bangga tetapi khazanah bukan milik kita yang punya.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Lagu Barisan hanya dinyanyikan oleh kanak-kanak kecil kerana yang dewasa lebih suka menyanyi lagu "Setia". Tetapi saya mahu bumiputera dalam MPEN sekali-sekali turut menyanyi kecil lagu warisan yang usang tetapi semangatnya terus hidup.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Amat Berhormat, sila jawab.

4.02 ptg.

**Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Parti-parti Kerajaan dan juga Parti Pembangkang yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima dalam dewan ini.

Saya tidak dapatlah untuk menjawab semua perkara-perkara yang telah dibangkitkan tetapi rakan-rakan saya Menteri-menteri lain akan memberi jawapan berkenaan dengan perkara-perkara yang meliputi bidang kuasa mereka.

Saya ingin sentuh beberapa tajuk yang telah dibangkitkan oleh setengah-setengah daripada Ahli-ahli dalam Dewan ini. Di antaranya ialah perkara-perkara yang sengaja dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli yang mana perkara-perkara ini telah pun dijelaskan secara terangnya dahulu berkali-kali tetapi mereka masih juga membangkitkan perkara-perkara ini. Saya bercadang untuk menjawab pada kali ini sahaja berkenaan dengan perkara yang semacam ini, dan sebarang ucapan yang membangkitkan perkara yang sama di masa akan datang tidak akan mendapat apa-apa jawapan, kerana ianya tidak perlu kepada jawapan kepada orang yang tidak mahu sebenarnya menerima kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti biasa, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tidak sama sekali bercakap berkenaan dengan prestasi-prestasi pencapaian kita dalam Rancangan Malaysia Kelima ini. Beliau hanya mengambil peluang ini untuk membangkitkan semua segala tuduhan-tuduhan yang sering dilemparkan olehnya kerana kepentingan politiknya dan kerana kepentingan partinya bahawa ekonomi negara yang telah mencapai pertumbuhan yang begitu pesat, yang begitu baik dalam keadaan kemelesetan ekonomi dunia, tidak diberi penghargaan sama sekali. Sudah tentu beliau tidak akan memberi penghargaan kepada Kerajaan ini ataupun kakitangan Kerajaan yang telah bekerja dengan begitu keras untuk memperbaiki keadaan ekonomi yang meruncing kerana kemelesetan ekonomi di seluruh dunia.

Harus diingat bahawa tidak ramai negara-negara membangun dalam dunia ini yang berjaya mengatasi masalah kemelesetan ekonomi negara masing-masing semasa kemelesetan ekonomi dunia. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong menjadikan tajuk perbincangan bukan ucapan saya dalam Dewan ini berkenaan dengan Kajian

Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima, tetapi sebaliknya bercakap berkenaan dengan ucapan saya yang dibuat di satu perhimpunan di *Utusan Melayu*, yang mana ucapan itu bertujuan untuk mengingatkan mereka tentang keadaan kecapaian negara kita sudah berkurangan sedikit berbanding dengan beberapa negara lain yang sekarang ini dikenali sebagai NIC, dan tujuan saya menarik perhatian kepada pertumbuhan ekonomi kita yang tidak sebegitu tinggi seperti negara-negara NIC ini ialah untuk menunjuk kepada perkara-perkara yang tidak ada kena-mengena dengan Dasar Ekonomi Baru. Tetapi Ahli Yang Berhormat sebaliknya menyalahkan semuanya kepada Dasar Ekonomi Baru. Kononnya gagalnya Malaysia menjadi NIC sama seperti South Korea, Taiwan dan lain-lain ialah kerana Dasar Ekonomi Baru. Kononnya Dasar Ekonomi Baru ini menyebabkan "brain drain" daripada Malaysia. Kononnya kerana Dasar Ekonomi Baru melambangkan kepentingan bukan bumiputera, maka dengan itu kita kehilangan tenaga-tenaga bukan bumiputera yang boleh membangunkan ekonomi negara kita. Kononnya Dasar Ekonomi Baru menguntungkan cuma segelintir sahaja daripada bumiputera. Kononnya kerana Dasar Ekonomi Baru rasuah berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, semua tuduhan-tuduhan ini tidak ada asas sama sekali. Sebaliknya kalau kita kaji pertumbuhan ekonomi kita sebelum dan selepas Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan, kita akan dapati bahawa sebenarnya dasar ekonomi negara kita telah memperolehi pertumbuhan yang lebih baik sejak Dasar Ekonomi Baru. Saya ingin sebutkan di sini angka-angka berkenaan. Dalam Rancangan Malaya Pertama—1956/1960, Pertumbuhan ekonomi ialah sebanyak 4.1% secara average lima tahun. Dalam Rancangan Malaya Kedua 1961/1965, pertumbuhannya ialah sebanyak 5%. Dalam Rancangan

Malaysia Pertama — 1966/1970, pertumbuhan ekonomi ialah sebanyak 5.4%. Itu adalah angka-angka sebelum ada Dasar Ekonomi Baru.

Semasa Dasar Ekonomi Baru, Rancangan Malaysia Kedua 1971/1975, pertumbuhan ialah sebanyak 6.6%. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga 1976/1980, pertumbuhan ialah 8.5%. Dalam Rancangan Malaysia Keempat, pertumbuhan turun kepada 5.1% dan ini adalah semasa kemelesetan mula menimpa ekonomi seluruh dunia. Dalam Rancangan Malaysia Kelima sehingga kini, pertumbuhan ialah sebanyak 5.8%. Ini jelas menunjukkan bahawa sebenarnya semasa Dasar Ekonomi Baru pertumbuhan ekonomi kita menjadi lebih baik daripada sebelum Dasar Ekonomi Baru. Tuduhan bahawa Dasar Ekonomi Barulah yang menyebabkan ekonomi kita tidak tumbuh seperti South Korea, Taiwan dan lain-lain bukanlah tepat tetapi semata-mata satu tuduhan yang tidak berasas sama sekali.

Sebenarnya ada negara-negara yang tidak pun mengamalkan Dasar Ekonomi Baru. Ada sebuah negara yang diperintah 100% oleh orang-orang keturunan Cina. Ramai juga orang-orang Cina yang telah berhijrah ke negara Australia, Kanada, United Kingdom dan Amerika Syarikat. Jadi, kalau dituduh bahawa Dasar Ekonomi Baru menyebabkan "brain drain" yang mana belum boleh kita tentukan sama ada yang di "drain"kan itu adalah "brain" tetapi nyata sekali bahawa "brain drain" ini tidak sebenarnya berlaku dan tidak sebenarnya berkesan, kalau dia berkesan sudah tentu pertumbuhan ekonomi negara kita tidak akan meningkat lebih baik sejak adanya Dasar Ekonomi Baru.

Ahli Yang Berhormat telah mengambil peluang daripada perbahasan ini untuk membangkitkan soal kedudukan orang-orang bukan Melayu di Malaysia. Beliau cuba menunjukkan bahawa kononnya

mereka tidak dapat layanan yang saksama, mereka didiskriminasikan, mereka ditekan dan sebagainya sehingga mereka sanggup berhijrah ke negara lain. Tetapi hendak juga kita buat perbandingan antara Malaysia dengan beberapa negara lain untuk melihat sama ada nasib orang-orang keturunan Cina di Malaysia ini begitu buruk seperti yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat.

Sebenarnya beberapa negara telah mengusir semua orang-orang Cina keluar daripada negaranya. Burma umpamanya tidak membenarkan orang-orang Cina tinggal di Burma, di Vietnam tidak ada harapan sama sekali bagi orang-orang keturunan Cina sehingga hampir semua daripada kumpulan pertama yang lari daripada Vietnam selepas kekalahan Amerika Syarikat adalah orang-orang Vietnam keturunan Cina. Di negara-negara Asia yang lain biasanya orang-orang Cina tidak dibenarkan belajar ataupun menggunakan bahasa Cina sama ada bahasa Kuoyu iaitu bahasa kebangsaan negara Cina ataupun dialects Cina yang menjadi bahasa ibunda sebenarnya. Mereka tidak dibenarkan menggunakan bahasa mereka. Mereka pula dipaksa menukar nama mereka dan mengambil nama bumiputera tempatan. Saya tidak payah sebutkan negara-negara mana tetapi kita tahu bahawa kebanyakan daripada negara-negara ini tidak membenarkan orang-orang Cina di sana menggunakan nama Cina mereka tetapi mesti menggunakan nama orang-orang tempatan. Kebudayaan Cina juga tidak dibenar. Diskriminasi daripada segi tempat perniagaan, lesen dan sebagainya diadakan iaitu ada tempat-tempat tertentu yang mana peniaga-peniaga keturunan Cina tidak dibenarkan sama sekali. Lesen-lesen hanya dikeluarkan kepada orang tempatan dan ditumpang oleh peniaga-peniaga Cina dan sebagainya. Di kebanyakan negara-negara ini juga, iklan dalam bahasa Cina tidak dibenarkan.

Tetapi di negara-negara Barat pula, orang-orang yang berhijrah ke sana daripada keturunan Cina dan Asia yang lain dianggap sebagai "second class citizens". Baru-baru ini telah dengar cerita tentang satu perbahasan yang hebat di Australia di mana tuduhan dibuat bahawa orang-orang yang bukan kulit putih yang berhijrah ke Australia diketepikan dan didiskriminasikan dan ini berlaku dengan jelasnya di Australia dan juga di beberapa negara Barat yang lain. Mereka tidak boleh mengadakan sekolah-sekolah Cina, dengan itu bahasa Cina tidak boleh dipelajari dan mungkin juga tidak diguna. Sebenarnya penduduk-penduduk keturunan Cina di sana lambat laun akan hilang bahasa mereka sendiri dan bahasa tempatan iaitu Inggeris, ataupun Perancis ataupun Belanda menjadi bahasa ibunda mereka.

Berkenaan dengan agama juga kerap kali agama tidaklah sebebaskan seperti terdapat di Malaysia yang mana kita tahu bahawa kuil-kuil Buddha dan Taoism dan lain-lain dibenarkan dengan tidak ada gangguan. Mereka juga kalau berhijrah ke negara-negara ini disyakki sebagai agen-agen komunis dan juga mereka dianggap sebagai punca penjenayah-penjenayah yang terbesar iaitu segala kegiatan kongsi gelap dipersalahkan kepada kaum Cina yang berada di sana. Sebaliknya di Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak pernah memaksa orang-orang Cina menukar nama China mereka walaupun menjadi warganegara Malaysia. Mereka boleh mengadakan sekolah Cina di semua peringkat. Mereka dibenar mengelolakan kolej dan mengeluarkan ijazah sendiri. Mereka menggunakan bahasa kebangsaan Cina sebagai bahasa kaum walaupun ini bukan bahasa ibunda sebenarnya dan kita tidak pernah menegur tentang perkara ini. Budaya Cina dan agama tidak diganggu yang mana kita dapati bahawa tarian Singa dibenar, tarian Naga, Perahu Naga dan kuil-kuil semua berada di dalam

Malaysia dan kadang-kadang kita dapati mereka tidak pun faham Bahasa Kebangsaan tetapi ini pun tidak kita tekankan sebagai bukti bahawa mereka sebenarnya tidak daripada Malaysia.

Jadi, kalau kita bandingkan nasib orang-orang Cina di negara-negara lain termasuk juga di negeri China sendiri, kita dapati bahawa orang-orang, keturunan Cina di Malaysialah yang bernasib baik sekali, yang boleh buat apa sahaja dan sebaliknya saya ingin mengingatkan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong bahawa orang-orang Cina di Malaysia yang mempunyai fikiran sama dengan Ahli Yang Berhormat itu tidak banyak. Sebenarnya majoriti daripada orang-orang Cina yang berada di Malaysia adalah orang yang taat dan setia kepada negara kita ini. Mereka menerima bahawa di Malaysia terdapat bukan sahaja satu kaum orang Cina tetapi. . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempersoalkan taat setia saya kepada Malaysia dengan menyebut ucapan tadi?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu hendak kata, Ahli Yang Berhormat itu taat atau tidak taat. Apa yang saya kata ialah kalau ada orang yang bekerjasama dengan orang asing untuk memburukkan negaranya sendiri, untuk menyebabkan pekerja-pekerja di Malaysia menganggur, untuk menyebabkan kekayaan negara kita ini terganggu, pertumbuhan ekonomi terganggu, selalu mencari pertolongan orang asing untuk memburukkan negara Malaysia, kita soal kesetiaan mereka, siapa dia, saya tidak tahulah. (*Tepuk*)

Sebenarnya mereka yang telah berhijrah pun bukan semua tidak setia. Ada juga yang setia yang tidak hendak "give up" passport pun ada walaupun sudah tinggal di negara lain dan ramai juga daripada mereka yang ingin pulang ke Malaysia tetapi malangnya mereka dapati anak-anak mereka tidak berminat untuk balik ke Malaysia. Itu kita tidak masuk semua dalam satu bakul, Tuan Yang di-Pertua, sama jugalah dengan semua orang-orang Cina di Malaysia ini tidak boleh kita masuk dalam satu bakul sama dengan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

**Tuan Lee Lam Thye:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Bukit Bintang bangun.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sama ada maksud ucapan beliau bermakna bahawa Parti Pembangkang yang sentiasa mengkritik Dasar Kerajaan pun dianggap sebagai tidak setia?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, kritik Dasar Kerajaan tidak menjadi seseorang itu tidak setia tetapi berusaha untuk memburukkan negara, itu tidak setia. (*Tepuk*) Itu tafsiran sayalah. Sebenarnya, kita tidak ada undang-undang yang berkata siapa yang tidak setia, siapa yang setia. Hanya yang boleh kita kata, kalau satu orang itu pergi suruh Kerajaan negara lain boikot barang-barang kita, siapa yang sokong orang semacam itu samalah termasuk dalam golongan itu. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya kepada *Utusan Melayu* yang menjadi tajuk perbahasan Yang Berhormat dari Tanjong ini, tidak ada kena-mengena dengan apa yang diperkatakan berkenaan dengan Dasar Ekonomi Baru.

Saya telah bercakap kepada pekerja dan eksekutif-eksekutif daripada

*Utusan Melayu* dan saya telah memperingatkan bahawa pertumbuhan ekonomi negara kita ini sudah ketinggalan kerana kita tidak begitu dedikasi, tidak begitu rajin bekerja, tidak begitu taat kepada kerja-kerja yang dijalankan oleh kita. Kalau kita perhatikan 4 buah negara yang mencapai tahap N.I.C ini, kita akan dapati bahawa di sana pekerja-pekerja cukup rajin bekerja, begitu taat sekali kepada syarikat-syarikat mereka dan juga negara. Mereka cukup berdisiplin dan mereka sanggup bersaing dengan siapa sahaja untuk meninggikan daya pengeluaran mereka. Mereka pula kalau kita perhatikan di Korea Selatan dan di Taiwan tidak ada Kesatuan Sekerja sebenarnya, juga di Hong Kong dan di sebuah negara lain itu tidak ada Kesatuan Sekerja yang efektif, ada Kesatuan Sekerja tetapi tidak efektif. Oleh itu kerana terdapat industrial peace di sana.

Yang anihnya bila tidak ada tindakan-tindakan untuk menekan supaya gaji-gaji dinaikkan, sebaliknya gaji naik bila tidak ada tindakan yang semacam ini, ini yang anih sekali. Apabila pertumbuhan ekonomi meningkat maka dengan tidak ada mogok, tidak ada tekanan daripada pekerja sekali pun gaji pekerja telah meningkat. Di Korea Selatan umpamanya gaji meningkat hampir 5% setahun pada satu dekad yang pertama, kemudian sudah meningkat kepada 6% tiap-tiap tahun pada dekad yang kedua pada dekad yang ketiga naik 8% hampir tiap-tiap tahun tanpa mengadakan sebarang. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kepong bangun.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Adakah beliau sedar sentiasa berlakunya rusuhan dan tunjuk perasaan di kalangan pekerja termasuk konsortium yang terbesar di Korea Selatan? Adakah Yang Amat

Berhormat menganggap bahawa hanya di negara-negara yang tidak mempunyai Kesatuan Sekerja yang efektif yang maju di dunia ini?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak sebut perkara itu, tetapi oleh kerana Ahli Yang Berhormat sudah bangkitkan, saya ingin jelaskan iaitu pencapaian ekonomi Korea dalam dua tahun yang lewat ini sudah menurun kerana kegiatan-kegiatan yang sebegitu, yang sebenarnya dipengaruhi oleh fikiran-fikiran daripada luar negeri Korea. Jadi, pertumbuhan ekonomi negara Korea sekarang ini tidak begitu memuaskan dan ada syarikat-syarikat gergasi di Korea yang sekarang ini sudah menjadi bankrap akibat daripada mogok yang tidak bertanggungjawab, yang mana ini amat digemari sekali oleh mereka yang bersaing dengan Korea, mereka daripada negara-negara yang membangun, maju yang bersaing dengan Korea, mereka begitu seronok melihat hari-hari ada rusuhan antara pekerja dengan majikan di Korea. Inilah yang mereka hendak dan ini juga yang mereka hendak di negara kita ini supaya pekerja-pekerja kita ini jangan bekerja, selalu mengadakan tindakan mogok dan sebagainya. Tetapi kita bernasib baik ini tidak berlaku dengan berleluasa di negara kita, walaupun pihak DAP sudah berjaya mengambil alih kepimpinan Kesatuan Sekerja (*Tepuk*) dan mereka sudah berjaya menghasut pekerja supaya menuntut kenaikan gaji dan mengugut sepanjang masa supaya perhatian pekerja tidak tertumpu kepada daya pengeluaran mereka, tetapi kepada kegiatan-kegiatan yang sebenarnya tidak menguntungkan kononnya kerana ingin meningkatkan pendapatan pekerja. Melalui ugutan-ugutan ini kononnya akan meninggikan pendapatan-pendapatan pekerja.

Saya percaya bahawa pekerja juga terpengaruh dengan pendapat yang semacam ini, tetapi sebenarnya yang

dikehendaki ialah pengaruh di kalangan pekerja kerana kepentingan politik parti dan. . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, adakah itu satu sebab yang sebenarnya tidak berasas di mana pihak Kerajaan cuba mengadakan satu gabungan kesatuan-kesatuan yang menjadi boneka Kerajaan (MLO).

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalnya antara boneka parti DAP dengan boneka Kerajaan. Kita tidak ada boneka, tetapi yang menjadi boneka kepada DAP—ada. (*Tepuk*)

Ahli Yang Berhormat dalam usahanya untuk membara, mengapikan perasaan perkauman telah membangkitkan soal kenapa pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan ramai terdiri daripada bumiputera.

Saya tidak nafi bahawa pegawai dan kakitangan Kerajaan banyak terdiri daripada bumiputera, sebabnya ialah kerana kalau mereka tidak diambil bekerja dengan Kerajaan, tidak ada siapa yang akan mengambil mereka bekerja, pihak swasta tidak mengambil bumiputera bekerja selain daripada menjadi pemandu kereta dan buruh kasar. Jadi, Kerajaan sahajalah yang dapat menampung keperluan bumiputera. Apabila pihak swasta sudah tidak mendiskriminasikan lagi terhadap bumiputera dan mengambil mereka bekerja di semua peringkat, tidak perlu lagi Kerajaan mengambil bumiputera bekerja dalam Kerajaan. Sebenarnya kalau swasta sanggup mengambil bumiputera bekerja dengan mereka, tidak akan ada bumiputera untuk Kerajaan mengambil bekerja dengannya, jadi kita harap ini adalah satu perkara sementara.

Kita sedang memujuk pihak swasta supaya mengambil pekerja-pekerja bumiputera. Memanglah parti DAP tidak pernah pun pujuk supaya swasta mengambil bumiputera bekerja dengan pihak swasta, tetapi kita cuba

dan apabila kita berjaya maka Kerajaan boleh mengambil pekerja bukan bumiputera bekerja dengan Kerajaan kerana pada ketika itu mungkin kita hendak cari pekerja bumiputera bekerja dengan Kerajaan pun sudah tidak ada kerana mereka dapat kerja di dalam syarikat-syarikat swasta. Malangnya Ahli Yang Berhormat telah bangkit sekali lagi berkenaan dengan ramainya bumiputera dalam Tentera dan Polis. Ini bukan satu dasar Kerajaan. Kita ingin mengambil bukan bumiputera dalam Tentera dan Polis, tetapi mereka tidak berhajat untuk bekerja dalam Tentera dan Polis melainkan sebagai pegawai tinggi dan tidaklah mungkin kita mengadakan "officer class" yang terdiri daripada satu kaum dan kakitangan bawahan dalam Tentera dan Polis yang terdiri daripada kaum lain kerana ini amat bahaya sekali. Ini bukan zaman penjajah dahulu yang mana kita terimalah iaitu semua pegawai terdiri daripada British dan kita jadi hulubalang sahaja, tetapi ini zaman kita merdeka dan kita mempunyai hak yang samarata.

Saya ingin memberi pengakuan iaitu kalau kita dapat mengadakan private dan mata-mata yang terdiri daripada bukan bumiputera dengan ramainya, maka pegawai juga akan mengimbangi peratusan ini. Kita tidak diskriminasi terhadap mana-mana kaum, kita sanggup menerima mereka.

\* Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ucapan saya ialah berkenaan dengan prestasi ekonomi negara. Pencapaian kita pada tahun 1988 umpamanya adalah satu pencapaian yang amat menggalakkan. Kita mengalami pertumbuhan sebanyak 8.7%, walaupun angka yang pertama ialah 8.1% tetapi setelah kita dapat angka-angka yang dikemaskini, maka kita dapati bahawa pertumbuhan dalam tahun 1988 ialah sebanyak 8.7% dan ini adalah satu pertumbuhan yang boleh dibanggakan oleh sesiapa sahaja dan kita telah

dapat kepujian yang tinggi dari IMF dan World Bank kerana urusan pentadbiran kewangan dan pentadbiran negara begitu kemas sekali sehingga kita dapat pulih keadaan yang buruk sehingga menjadi keadaan yang begitu baik seperti yang dinyatakan dengan angka yang saya telah sebutkan tadi. Jelas sekali bahawa adanya Dasar Ekonomi Baru telah menghalang kita dari mencapai pertumbuhan yang begitu pesat.

Ada pihak-pihak yang mempertikai-kan angka-angka dalam Laporan. Saya tidak ingin membahas tentang perkara ini kerana perkara ini lebih baik dibahas di lain forum, tetapi saya ingin sebut di sini bahawa adalah mustahil dalam jangkamasa 19 tahun ekonomi bumiputera tumbuh sebanyak 1,900% sedangkan ekonomi bukan bumiputera tidak tumbuh sama sekali. Tetapi itu sahaja yang saya hendak sebutkan kerana yang lain bolehlah kita bincang secara manusia yang waras dan kita tentukan siapa yang memberi angka yang betul ataupun tidak. Saya memang ber-setuju untuk dikaji angka-angka ini.

Soal perpaduan, Tuan Yang di-Pertua, perpaduan kaum juga tidak boleh meningkat selagi ada DAP yang suka menghasut dalam perkara ini dan ini apabila ianya berlaku akan memburukkan iklim dan ini menyebabkan tension dalam negara dan ini juga menjadi halangan kepada pertumbuhan ekonomi negara kita.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah membangkitkan soal inflasi. Tuan Yang di-Pertua, inflasi adalah satu peristiwa yang berlaku di mana-mana juga, kadang-kadang ianya tinggi dan kadang-kadang ianya rendah. Di masa kita mengalami kemelesetan ekonomi dalam negara kita, inflasi di negara kita ialah di paras 1% sahaja, kalau dibandingkan dengan negara-negara maju di mana inflasi meningkat sebanyak 7% ataupun 8%, pencapaian ini adalah amat baik sekali. Kalau kita

bandingkan dengan setengah-setengah negara Latin America pula, di mana inflasi ialah sebanyak 2000% pada setahun, kita akan faham bahawa peningkatan 1% adalah satu peningkatan yang boleh diketepikan sama sekali seolah-olah tidak ada inflasi.

Saya diberitahu bahawa di setengah-setengah negara Latin America, kita masuk dalam supermarket dan kita beli barang, sementara kita hendak keluar, harga pun naik. Jadi, cepat-cepat masuk, cepat-cepat keluar bayar duit, kalau tidak harga sudah meningkat dan duit sekarang ini tidak ada masa Kerajaan hendak cetak sekalipun kerana nilainya naik sepanjang masa, tetapi ini tidak berlaku di Malaysia. Di Malaysia, duit kita walaupun dikatakan turun nilainya berbanding dengan matawang lain, tetapi dalam negara, ianya tidak turun. Dalam negara sebenarnya nilai Ringgit adalah sama, terutama di masa inflasi di peringkat 1% iaitu waktu kemelesetan ekonomi negara.

Kalau seseorang itu boleh membeli seekor ayam dengan harga \$3.00 dan setahun lagi dia masih membayar \$3.00; maka ini bagi dia bermakna bahawa nilai matawangnya tidak merosot. Ini yang penting, iaitu seorang pekerja umpamanya boleh membeli barang yang sama dengan nilai wang yang sama daripada satu masa ke satu masa. Mereka cuma akan menganggap inflasi telah berlaku kalau ayam yang dibeli pada hari ini dengan harga \$3.00, bulan depan terpaksa bayar \$3.30, tahun depan terpaksa bayar \$4.00, \$5.00 dan sebagainya. Bagi mereka itu adalah bermakna inflasi berlaku. Kalau cuma 1% . . . .

**Dr Tang Seng Giaw (Kepong: Bangun)**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kepong bangun.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat memang sedar di negara ini, ia mempunyai begitu banyak sumber-sumber kekayaan dan soal inflasi itu dan kalau pengurusan ekonomi yang baik, tidak jadi masalah dan tambah pula dengan nilai Ringgit ini. Kalau itu lojik Yang Amat Berhormat itu munasabah, mengapa nilai Ringgit itu kalau berbanding dengan Brunei dan Singapura, dia turun. Saya tidak mahu berbanding dengan Amerika Syarikat dan Jepun buat masa sekarang, cuma dengan jiran kami kerana kita mempunyai banyak sumber, mereka tidak—kecuali Brunei.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, nilai matawang kita di pasaran wang antarabangsa ditentukan oleh apa yang dikenalkan sebagai "a basket of currencies" yang kita simpan. Kalau kita simpan banyak wang Amerika, kalau nilai matawang kita ditentukan oleh matawang Amerika iaitu kita ada reserve hanya dalam matawang Amerika, apabila matawang Amerika jatuh, maka nilai wang kita juga jatuh. Dahulu sekali kita ikat diri kita kepada Sterling Pound, kita berada dalam Sterling Area dan apabila pihak Britain menurunkan nilai Sterling, maka Ringgit kita juga turun nilai. Inilah sebabnya. Jadi, sekarang ini untuk menentukan bahawa nilai matawang kita ditentukan supaya tidak terlalu naik turun, kita mempunyai apa yang dikatakan sebagai "a basket of currencies", termasuklah dalam basket ini Yen, Swiss Franc, Deutchemark, Ringgit Amerika dan sebagainya, dan apabila nilai wang-wang ini turun—ada yang naik dan ada yang turun—maka nilai matawang kita mengikut nilai reserve kita, dan bukan mengikut barangan yang kita keluarkan ataupun punca kekayaan kita ataupun kita punya earnings.

Sebenarnya apabila nilai matawang kita turun, pendapatan kita meningkat, kerana kita lebih mampu bersaing

dengan negara-negara lain. Kalau nilai matawang kita tinggi maka keluaran kita akan bernilai tinggi dan kalau keluaran itu juga dibuat oleh negara-negara lain seperti Indonesia, umpamanya, maka mereka dapat menjual dengan harga yang lebih rendah dan kita tidak dapat menjual barangan kita, maka eksport kita akan merosot dan kita akan menghadapi ekonomi yang meleset. Sebab itu kejatuhan matawang tidak menjadi masalah kepada kita asalnya ayam yang saya sebutkan tadi tidak naik harga dalam negeri dan kita boleh dapat makan banyak itu juga.

Masalahnya ialah kalau kita hendak beli barangan daripada luar negeri. Kalau barangan daripada luar negeri yang hendak kita beli, maka tentulah apabila nilai matawang asing naik maka kita terpaksa guna lebih banyak ringgit kita dan kita boleh mengatasi masalah ini dengan tidak membeli barangan daripada luar negeri, barangan yang tidak perlu umpamanya, luxury goods, kita cuma beli daripada dalam negeri sahaja—kalau tidak boleh beli refrigerator buatan Amerika Syarikat tidak usah beli, kalau kita tidak ada duit, kita tidak belanja, kalau kita tidak ada duit, kita hendak belanja juga, jadi masalah. Jadi, sekarang ini kita menghadapi tekanan inflasi sedikit, sudah naik sebanyak 3% saya ingat baru-baru ini, kerana sekarang ini kita sudah makmur sedikit, barangan kita seperti getah, kelapa sawit, bijih timah sudah meningkat harga dan kita dapat jual dengan lebih banyak dan rakyat sudah dapat pendapatan yang lebih dan mereka bukan sahaja hendak beli ayam untuk makan, tetapi hendak beli motokar, hendak beli barang-barang daripada luar negeri dan kerana nilai matawang kita rendah, maka ternampaklah barang-barang yang diimport ini tinggi nilainya. Untuk membeli juga mereka menggunakan wang yang banyak dan memerlukan wang yang banyak dan kita menghadapi apa yang dikatakan

sebagai imported inflation, kerana barangan luar naik harga, sedikit sebanyak ia mempunyai kesan kepada barangan daripada dalam negeri juga kerana orang yang hendak beli barangan daripada luar hendak . . . .

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya kurang berpuas hati dengan jawapan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat mengenai cara yang digunakan oleh Kerajaan untuk mengawasi masalah inflasi, oleh sebab pada anggapan saya, masalah inflasi ini akan merupakan satu masalah yang amat besar. Dalam ucapan saya tadi, yang sebenarnya, saya tidak berucap mengenai barang-barang yang di-import yang dibeli oleh orang kita, tetapi apa yang saya ada ucapkan tadi ialah bahawa berdasarkan apa yang telah disebut dalam Kajian Separuh Penggal RML ini yang menyatakan bahawa kajian itu menunjukkan bahawa inflasi boleh dibendung pada paras 3.9%, akan adakah Yang Amat Berhormat sedar bahawa angka 3.9% ini mungkin adalah tidak tepat, oleh sebab adalah dianggarkan bahawa kadar inflasi akan bertambah hingga 5% ke 6% dan sekiranya ini berlaku maka saya ingin mendapat tahu macam mana pihak Kerajaan bercadang untuk mengawasi keadaan begini, sekiranya ini akan dinaik daripada 3.9% kepada 5% hingga 6%.

**Perdana Menteri:** Sebenarnya, saya tidak berharap Ahli Yang Berhormat akan bersetuju dengan saya, cuma saya memberi penerangan tentang mekanisme inflasi sahaja dan mekanisme ini telah diterima oleh pihak-pihak lain termasuk pakar-pakar ekonomi. Walaupun saya bukanlah pakar ekonomi, tetapi saya tahu juga sedikit-sedikit selepas bekerja sebagai Perdana Menteri selama ini.

Cara yang berkesan sekali untuk membendung inflasi ialah dengan tidak membelanja lebih daripada kemampuan kita, kalau kita anggap

bahawa barangan itu harganya terlalu mahal, jangan beli—mudah sahaja, jangan beli. Kalau tidak beli maka demand akan kurang daripada supply dan dengan sendirinya supply akan turun harga. Kalau barang yang hendak diimport itu tidak ada pembeli di dalam negara kita ini, kerana kita tidak mahu beli kerana harga terlalu tinggi, maka mereka tidak akan import ataupun kalau mereka import, mereka terpaksa turunkan harga. Ini adalah cara yang berkesan, tetapi satu cara yang tidak berkesan sekali yang akan menyebabkan inflasi meningkat dengan tingginya ialah dengan cara menaikkan gaji mengejar tahap inflasi.

Kalau kita naikkan gaji untuk mengejar tahap inflasi maka dia akan menyebabkan inflasi berlaku dengan lebih pesat lagi. Inilah yang harus kita berjaga, sebab itu dalam pengurusan Kerajaan kita amat berjaga-jaga tentang perbelanjaan kita dalam negara kita. Kita tidak begitu berminat untuk pinjam terlalu banyak, kita hendak belanja wang yang ada kepada kita dan nasihat kita kepada rakyat ialah supaya mengurangkan belanja ataupun tidak membeli kalau mereka berpendapat barang itu sudah meningkat harganya terlalu tinggi. Kalau mudah untuk mengawal inflasi dengan tindakan Kerajaan semata-mata, tanpa kerjasama daripada pihak yang lain, maka inflasi tidak akan berlaku di mana-mana. Tidak ada Kerajaan di dalam dunia ini yang hendak melihat inflasi berlaku di dalam negaranya. Tetapi adanya inflasi seperti yang berlaku di negara-negara Amerika Latin ialah kerana Kerajaan sendiri tidak mempunyai kuasa yang berkesan untuk membendung inflasi.

Beberapa rancangan telah dibuat, di antaranya ialah dengan mengadakan ratio antara inflation dengan wages dan juga mengadakan bermacam-macam cara seperti menjatuhkan nilai matawang dan sebagainya tetapi

semua cara-cara ini tidak berkesan, bahkan Kerajaan-kerajaan Amerika Latin jatuh berkali-kali kerana tidak dapat mengawasi dan membendung inflasi. Yang perlu dibuat oleh kita ialah menjaga supaya inflasi tidak meningkat kepada satu tahap yang mana kita tidak mungkin membendungnya lagi. Di waktu ini, kita percaya bahawa kita telah berjaya. Ahli Yang Berhormat mungkin mempertikaikan angka ini tetapi kita berpandukan kepada satu senarai barang-barang yang mana nilainya diambil kira untuk menentukan sama ada inflasi berlaku ataupun tidak. Sudah tentu kalau kita masuk dalam senarai barangan yang menentukan tahap inflasi dalam negara kita ini, senarai ini termasuk barang-barang mewah, maka inflasi akan meningkat, tetapi kalau kita tidak masuk dalam senarai ini barang-barang seperti itu, maka . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** Yang Amat Berhormat, keluli boleh dianggap sebagai barang mewah? Di negara kita harganya melambung dengan banyak sekali. Saya sebutkan perkara ini di dalam ucapan saya. Keduanya, saya mendengar jawapan Yang Amat Berhormat tadi dengan baik-baik mengenai dengan matawang. Kalau matawang kita ada turun, Yang Amat Berhormat kata eksport kita bertambah, kecualilah kalau tidak ada efficiency, kerajinan dan sebagainya. Tetapi bolehkah Yang Amat Berhormat menerangkan keadaan seperti di Jepun, dengan matawang yang melambung naik tapi pada keseluruhannya eksport mereka bertambah lagi.

**Perdana Menteri:** Terima kasih. Saya akui bahawa keluli bukanlah termasuk dalam bilangan barang-barang mewah, tetapi keluli termasuk dalam barang-barang yang harganya ditentukan oleh import kita. Banyak bahan yang digunakan untuk mengeluarkan besi keluli, umpamanya, diimport dari luar negeri termasuk

juga scrap iron dan kadang-kadang iron ore dan lain-lain barangan. Kalau barang-barang ini sudah meningkat harga, tidak dapat tidak kita menaikkan harga besi keluli juga. Baru-baru ini harga scrap iron yang dahulunya cuma US\$90 satu metric ton, sudah meningkat kepada US\$200 satu metric ton, kenaikan lebih daripada 100%, sedangkan harga keluli tidak dinaikan dengan harga 100%, cuma separuh sahaja, saya ingat dalam 30% sahaja. Ini bermakna bahawa kita berusaha menjaga supaya inflasi tidak berlaku di dalam negara kita. Inilah yang dimaksudkan dengan imported inflation. Kalau barang-barang ini terpaksa dibuat daripada bahan dari luar negeri dan bahan itu naik di luar negeri, maka bahan di dalam negeri juga naik.

Di samping itu, hendak saya sebutkan juga di sini bahawa besi keluli di Malaysia masih murah daripada pasaran antarabangsa dan kita boleh eksport semua besi keluli kita, termasuk "gillet" dengan harga yang kita jual dalam negeri dan mendapat pasaran yang baik tetapi kalau kita berbuat demikian maka perusahaan perumahan "construction" dalam negara kita terpaksa dihentikan ataupun kita terpaksa import besi keluli dengan harga yang lebih tinggi daripada luar negeri. Sebab itu kita minta supaya pengusaha-pengusaha besi keluli menjual barangan mereka dengan harga yang ditentukan oleh Kerajaan di dalam negeri dan harga ini adalah lebih rendah daripada harga di luar negeri.

Berkenaan dengan soal mata wang, saya akui bahawa walaupun di Jepun harga Yen telah naik, industri mereka masih lagi pesat berkembang. Tetapi pada mulanya apa yang dipanggilkan oleh Jepun sebagai "endaka", iaitu pada mula masa Yen ini meningkat harga mereka menghadapi kemerosotan ekonomi sehingga ramai daripada pekerja-pekerja mereka menganggur, satu perkara yang tidak

pernah berlaku di negeri Jepun sejak lepas Perang Dunia Kedua, tetapi mereka dengan begitu pantas sekali menyusun langkah mereka dan mengubah cara mereka berniaga bahkan kadang-kadang mereka memasuki dalam bidang usaha yang lain dan mereka bekerja dengan begitu kuat lagi sehingga mereka dapat memulihkan keadaan ekonomi negara mereka. Sekarang ini ramai daripada syarikat-syarikat yang mempunyai satu jenis perniagaan dahulu sudah tukar kepada perniagaan yang lain, termasuklah Nippon Steel yang sekarang ini tidak begitu berminat dengan mengeluarkan besi tetapi telah masuk dalam berbagai bidang, termasuk "manufacture of computers" dan sebagainya. Tetapi industri kita dalam negeri ini tidak begitu "flexible", kita cuma tahu buat satu benda sahaja, kita tahu tanam pokok getah, pokok kelapa sawit. Bila jadi sesuatu kita hendak tukar, tidak begitu cepat boleh ditukar walaupun kita cuba juga, kita tanam pokok buah-buahan sekarang ini tetapi ambil masa sedikit.

Dalam pada itu, kita harus ingat juga tindakan menaikkan mata wang Yen ini dibuat oleh negara-negara barat kerana mereka tidak mampu bersaing dengan Jepun. Mereka berpendapat bahawa kalau Yen ini dinaikkan harga maka pihak Jepun tidak dapat eksport barangan mereka kerana "cost of production" meningkat, tetapi Jepun mengatasi "cost of production" ini dengan berbagai cara "manufacturing" termasuk "robots" dan "automatic manufacturing" yang mana mereka dapat mengurangkan kos mereka dengan begitu banyak dan mereka masih dapat menjual barang mereka dengan harga yang lebih murah daripada di barat.

Di samping itu, kerana Yen sudah meningkat 100% nilainya maka orang Jepun sudah jadi dua kali lebih kaya daripada dahulu dan sekarang ini

orang Jepun membeli harta di Amerika Syarikat, di Eropah, di Australia, di Kanada dan lain-lain tempat dan mereka sekarang kluatir sama ada negeri mereka akan dibeli terus oleh pihak Jepun. Jadi ini adalah masalah yang mereka bawa kepada diri mereka dengan menaikkan mata wang Yen yang mana ini menyebabkan hutang kita juga meningkat. Jadi, kalau dimaafkan saya hendak kata, "padan muka merekalah".

Soal mata wang kita sudah turun kerana kita lebih banyak Dollar America yang kita simpan, oleh kerana itu turun dan kita tidak rugi kerana turunnya mata wang ini. Bukan dengan sengaja. Kita pun tidak tahu Yen hendak naik begitu tinggi. Kalau Ahli Yang Berhormat dari Parti Pembangkang tahu dahulu, beritahu kepada kita, kita boleh beli Yen dengan banyak-banyak, (*Ketawa*) tetapi sekarang baru beritahu, setelah kita tahu, tidak gunalah. Tuan Yang di-Pertua. Kita sekarang ini memerhatikan gerak-geri Yen ini dan kalau ianya jatuh harga, kita akan gunakan peluang untuk membeli banyak-banyak Yen dengan harapan . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Amat Berhormat bercadang untuk menjadikan Menteri Kewangan jadi Menteri DAP? Jadi kita ada mempunyai jentera dan pelbagai kemudahan untuk memonitorkannya.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, ada kemungkinan kalau DAP tolak cara-cara perkaumannya dan masuk Barisan Nasional, kita boleh timbang (*Tepuk*) kerana saya dapati harapan DAP hendak jadi Kerajaan dengan sendirinya tidak boleh. (*Ketawa*)

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan setakat yang saya berhajat berkenaan dengan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada

Dewan ini. Perkara-perkara yang lain akan saya serahkan kepada rakan-rakan saya dan saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih. (*Tepuk*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Belia dan Sukan.

4.56 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin Jabar):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu perkara sahaja iaitu yang disebut oleh Yang Berhormat dari Hulu Selangor berkaitan dengan permohonan untuk mengikuti latihan kemahiran di Pusat Latihan Belia Pertak.

Untuk makluman Yang Berhormat itu bahawa semua latihan yang dianjurkan oleh Kementerian di Pusat-pusat Latihan Belia sama ada di Pertak, di Dusun Tua dan di Kuala Terengganu adalah percuma. Kementerian tidak pernah mengenakan apa-apa bayaran untuk mengikuti latihan di pusat latihan berkenaan. Permohonan bolehlah dikemukakan kepada Cawangan Latihan dan Bimbingan Belia, Bahagian Belia apabila pengambilan dibuat menerusi iklan-iklan di suratkhobar-suratkhobar.

Adapun dakwaan sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat iaitu sebanyak \$250 bagi seorang peserta untuk mengikuti latihan di Pertak adalah tidak benar . . . .

**Tuan S. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya telah memohon untuk menjalankan satu kursus untuk 30 pemuda-pemuda kaum India dan saya telah dikenakan lebih kurang \$7,000 untuk menjalankan kursus itu selama satu

minggu. Inilah satu perkara yang benar, ada bukti. Saya rasa dakwaan Yang Berhormat tidak begitu betul.

**Tuan Haji Awang bin Jabar:** Saya katakan kursus-kursus di pusat yang dianjurkan oleh Pusat, iaitu Kementerian. Adapun kursus yang disebut oleh Yang Berhormat tadi barangkali adalah anjuran Yang Berhormat dengan inisiatif Yang Berhormat, sebab itu barangkali dikenakan bayaran sedemikian rupa. Itulah maklumat tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, perkara itu benar. Saya dengan inisiatif saya telah menjalankan kursus itu tetapi saya ingin dapat tahu jika kita bermohon kepada Kementerian Belia dan Sukan untuk mengada ataupun mendapat peluang kepada kaum India jarang-jaranglah kita dapat peluang, oleh itu saya terpaksa menjalankan satu kursus dengan inisiatif saya sendiri.

**Tuan Haji Awang bin Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi pengambilan peserta-peserta untuk memasuki Pusat Latihan Belia, sama ada di Pertak, Dusun Tua dan di lain-lain pusat, kita tidaklah mengambil kira sangat tentang kaum tetapi nisbah permohonan, kadang-kadang apabila iklan dibuat permohonan-permohonan daripada peserta-peserta yang terdiri daripada kaum India adalah berkurangan. Jadi, sebab itu nisbah pengambilan itu apabila dilihat di pusat-pusat latihan daripada kaum India kurang nisbahnya. Jadi inilah yang berlaku di Pusat-pusat Latihan Belia ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan. Sudah habiskah?

**Tuan Haji Awang bin Jabar:** Sudah habis, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bertanya itu sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Kementerian Kesihatan.

5.00 ptg.

**Timbalan Menteri Buruh (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu bagi pihak Kementerian Kesihatan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang nampaknya Ahli Yang Berhormat yang tunggal membuat teguran di atas perkara-perkara berkaitan dengan Kementerian Kesihatan.

Ahli Yang Berhormat itu telah menyatakan kebanyakan klinik-klinik terutamanya yang dibina di kawasan luar bandar adalah serba kekurangan. Hospital-hospital Besar, kata beliau, kebanyakannya di negeri-negeri pula kekurangan doktor, pakar-pakar dan berbagai-bagai bidang. Di sini sukalah saya memberi sedikit penjelasan bahawa Kementerian Kesihatan mempunyai norma tenaga kerja dan alat kelengkapan untuk setiap pusat kesihatan dan klinik yang dibina untuk dapat memberikan khidmat yang lebih berkesan.

**Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kepong bangun.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya percaya dia dipindah kepada Kementerian Buruh tetapi masih ada di Kesihatan lagi nampaknya beberapa minggu ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, apa pasal?

**Dato' K. Pathmanaban:** Sangat suka kepada kesihatan. Bagi pihak Kementerian, saya telah katakan tadi. Kalau tidak hendak bolehlah, saya tidak jawab. Terdapat memberikan khidmat yang lebih berkesan, kaki-tangan para medic diberi latihan yang cukup dan alat kelengkapan yang diperlukan, disediakan juga selaras dengan taraf perkhidmatan yang diberi di klinik-klinik tersebut. Kementerian Kesihatan juga sentiasa

mengambil langkah-langkah untuk menambah bilangan doktor di negara kita dan merancang supaya doktor-doktor ditempatkan di tiap-tiap pusat kesihatan seboleh-bolehnya. Untuk tujuan ini pada tahun 1988 seramai 406 jawatan pegawai perubatan dapat diwujudkan dan pada tahun 1989 pula Kementerian mendapat tambahan 422 jawatan lagi. Semua Hospital Besar . . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat dari Kepong bangun.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sama ada lebih 400 jawatan diadakan pada tahun-tahun 1988/1989 ini untuk jawatan-jawatan pangkat tinggi ataupun rendah.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, jawatannya semuanya adalah untuk jawatan Tingkatan Biasa termasuk Tingkatan Kanan.

Semua Hospital Besar mempunyai pakar dalam bidang-bidang kepakaran yang perlu. Bilangan pakar di setiap hospital ditentukan berdasarkan kepada beban kerja hospital yang berkenaan. Pakar-pakar juga ditempatkan di beberapa hospital daerah. Kementerian sentiasa berusaha untuk memenuhi kekosongan doktor pakar terutamanya di Hospital Besar. Walau bagaimanapun tidaklah dinafikan bahawa Kementerian Kesihatan masih menghadapi kekurangan pakar-pakar di beberapa bidang tertentu. Di samping itu tindakan telah diambil untuk memastikan supaya pakar-pakar yang sedia ada di Hospital-hospital Besar akan mengadakan lawatan ke hospital-hospital daerah yang tidak mempunyai khidmat kepakaran untuk merawat pesakit-pesakit dan memberi penyeliaan kepada doktor-doktor di hospital-hospital berkenaan.

Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha juga supaya mutu perkhidmatan di negara kita terus dipertingkatkan dengan mengambil langkah-langkah untuk menambah serta menggalakkan doktor-doktor untuk terus berkhidmat dengan Kerajaan. Untuk tujuan ini Kerajaan terus berusaha melatih lebih ramai lagi doktor-doktor tempatan di pelbagai bidang kepakaran. Doktor-doktor sentiasa digalakkan dan diberi peluang untuk menjalani latihan sama ada di dalam ataupun di luar negeri melalui biasiswa, cuti belajar tanpa biasiswa ataupun cuti belajar tanpa gaji. Di samping itu Kementerian Kesihatan juga sedang mengkaji secara mendalam akan kedudukan perkhidmatan doktor-doktor dengan Kerajaan. Dalam kajian ini Kementerian Kesihatan meneliti berbagai aspek termasuklah masalah-masalah dan kekurangan yang dihadapi oleh doktor-doktor kita dalam perkhidmatan mereka, prospek kerjaya mereka, peluang-peluang kenaikan pangkat dan pengluasan latihan untuk menambah tenaga pakar-pakar kita.

Seterusnya Yang Berhormat dari Kepong itu telah membangkitkan tentang kekurangan kemudahan perkhidmatan penjagaan pergigian di beberapa negeri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan memang sedar keperluan untuk meningkatkan perkhidmatan penjagaan pergigian di semua negeri. Langkah-langkah yang positif telah diambil untuk mempertingkatkan perkhidmatan dengan memberi kemudahan-kemudahan seperti menambahkan kakitangan, peruntukan kewangan dan alat-alat kelengkapan di klinik-klinik pergigian besar, pusat-pusat kesihatan kecil, klinik-klinik sekolah dan juga di pasukan-pasukan bergerak.

Beberapa cara pengurusan untuk meningkatkan lagi tahap kesihatan pergigian sedang juga diamalkan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu telah menyentuh tentang pembekalan air bersih serta juga urusan pembuangan najis di estet-estet. Kementerian Kesihatan telah memulakan rancangan kawalan mutu air minum di kawasan ladang-ladang dan memberi khidmat nasihat kepada pengurus ladang-ladang untuk mengatasi masalah kualiti air yang dibekalkan itu. Dalam satu rundingan pada tahun 1988 di antara pihak UPAM, Kementerian Buruh dan Kementerian Kesihatan, satu persetujuan telah dicapai supaya pihak pengurusan ladang membekalkan air selamat kepada pekerja-pekerja dalam tempoh masa lima tahun yang akan datang. Rancangan berperingkat ini akan dikuatkuasakan dengan tegas. Syor-syor telah diberi kepada pengurusan estet-estet untuk memperbaiki keadaan ini seperti membuat sambungan kepada paip JKR di mana ada ataupun mengadakan sistem-sistem rawatan air yang berkesan . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kepong bangun pula Yang Berhormat.

**Dato' K. Pathmanaban:** Sejurus. Ataupun mengadakan sistem-sistem rawatan air yang berkesan di mana punca air persendirian digunakan. Kita harap melalui tindakan-tindakan ini kita dapat memastikan kualiti air yang dibekalkan di estet-estet adalah memuaskan dan selamat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Rancangan yang disebutkan tadi itu peruntukannya dikeluarkan daripada majikan ataupun daripada Kerajaan sendiri, dan kalau daripada Kerajaan apakah peruntukan amaunnya.

**Dato' K. Pathmanaban:** Perkara bekalan air dalam estet-estet di mana pekerja-pekerja diberi rumah adalah

tanggungjawab estet-estet, tetapi melalui rancangan memperluaskan bekalan air ke masyarakat kita di kawasan pendalaman khasnya melalui rancangan sistem Antah Biwater, Kerajaan memang dapat membawakan bekalan ke sempadan estet dan dari situ estetlah membelanjakan wang untuk mengadakan sistem paip ataupun di mana tidak ada sistem seperti itu untuk mewujudkan sistem bekalan air sendiri tetapi kita akan mendesakkan untuk air bersih yang dirawati dengan chlorine dan sebagainya dibekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu Kementerian juga menjalankan siasatan mengenai keadaan tandas di ladang-ladang dan beberapa cadangan dikemukakan kepada pihak pengurusan ladang-ladang melalui Pejabat Buruh untuk diamalkan untuk menentukan bahawa bekalan air yang terdapat di sumber-sumber sendiri di dalam estet itu bersih dan juga alam sekitar di estet-estet adalah bersih, sihat dan selamat. Saya rasa itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara . . . .

**Tuan P. Patto:** Minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Ipoh bangun minta penjelasan.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tidak bercakap dalam masa perbahasan.

**Tuan P. Patto:** Itu tidak kira penjelasan daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat mengatakan tentang tandas dan pihak Kementerian ada buat cadangan-cadangan untuk membaiki taraf dan mutu perkhidmatan kepada estet dari segi kesihatan dan juga tandas-tandas yang diberi untuk penggunaan bagi pekerja-pekerja di ladang. Saya ingin dapat tahu setakat manakah cadangan yang dikatakan itu berjaya dan adakah pihak majikan yang masih degil dan

tidak mahu mengikuti cadangan itu, kalau ada sekiranya, bagaimana pihak Kementerian bercadang untuk mengatasinya?

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat tidak berapa dengar tadi. Saya baru bercakap dengan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong apabila saya mula ucapan saya.

**Tuan P. Patto:** Ini tentang tandas sahaja, bukan hal yang lain. Tandas yang akhir, saya dengar terang-terang.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tidak ada yang lain, sebab pada permulaan saya telah katakan rancangan ini dimulakan pada pertengahan tahun yang lalu. Jadi, terlalu awal untuk mengatakan berapa banyak kejayaan-kejayaan. Tetapi saya dapat mengatakan bahawa perbincangan dengan pihak taukeh perladangan melalui UPAM (United Planting Association of Malaysia) adalah memuaskan dan mereka sanggup menerima cadangan-cadangan yang kita buat itu. Sekian sahaja. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Timbalan Menteri Kewangan.

5.02 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan ulasan di atas perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Kewangan. Antaranya ialah pemberian kontrak yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong, Marang, Pasir Mas dan Lembah Pantai.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya nyatakan bahawa dalam urusan tender Kerajaan, ianya dibuat secara terbuka di mana syarikat-syarikat yang berdaf-

tar sebagai kontraktor boleh menyertainya. Dalam penilaian, satu-satu tender, faktor-faktor berikut adalah diambil kira:

- (i) memenuhi syarat-syarat tender. Bagi tender-tender yang tidak memenuhi syarat, ianya tidak diberi pertimbangan seterusnya;
- (ii) memenuhi penentuan teknikal; dan
- (iii) harga termurah setelah dinilai.

Bagi tender-tender yang telah memenuhi syarat-syarat tender dan penilaian teknikal penilaian harga juga mengambil kira keutamaan barangan tempatan dan keutamaan bumiputera.

Berkaitan dengan dakwaan menyatakan bahawa tender Kerajaan di monopoli oleh perbadanan Kerajaan adalah dimaklumkan bahawa dakwaan-dakwaan ini adalah tidak benar. Dari perangkaan untuk 5 tahun yang lepas, perbadanan Kerajaan adalah diberi kontrak dalam sektor pembinaan seperti berikut:

Tahun 1984, 0.22% atau \$5.5 juta daripada sejumlah \$2.485 juta. Tahun 1985, 0.66% atau \$0.45 juta daripada sejumlah \$687.6 juta. Tahun 1986, 2.33% atau \$21.3 juta daripada sejumlah \$953.4 juta. Tahun 1987, 0.2% atau \$112,650 daripada sejumlah \$650 juta. Tahun 1988 0.19% atau \$1.051 juta daripada sejumlah \$538.9 juta. Oleh itu, tidaklah benar bahawa pemberian satu-satu tender ataupun kerja kontrak tersebut diberikan kepada syarikat-syarikat yang berpengaruh politik atau syarikat-syarikat tertentu.

Ahli Yang Berhormat dari Marang telah membangkitkan "Konsep Payong" dan mengesyorkan supaya konsep ini tidak dikekalkan. Tuan Yang di-Pertua, Konsep Payong diadakan bertujuan untuk membimbing usahawan-usahawan dan juga penternak-penternak kecil dengan memberi pasaran yang tetap dengan

harga yang menasabah supaya dapat memperkembangkan usaha-usaha yang ada untuk memasuki pasaran sektor awam dan pasaran terbuka secara persendirian. Ini bermakna Konsep Payong adalah merupakan perlindungan sementara dan bukan berkekalan.

Ahli Yang Berhormat dari Marang juga telah membangkitkan mengenai pakatan atau KARTEL dalam urusan tender Kerajaan. Pakatan atau KARTEL adalah tidak mungkin kerana tender yang ditawarkan oleh Kerajaan adalah tender terbuka dan diiklankan di dalam akhbar-akhbar tempatan untuk tender-tender tempatan dan diberitahu kepada Kedutaan-kedutaan Asing untuk disebar ke negara masing-masing untuk tender antarabangsa. Adalah tidak mungkin pakatan dapat dilaksanakan memandangkan banyak syarikat-syarikat yang akan mengambil bahagian dan masing-masing pula adalah bersaing antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, jika ada Yang Berhormat mempunyai maklumat lanjut mengenai pakatan ini . . . .

**Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)**

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** . . . . Kementerian Kewangan sedia menyiasat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam pemberian tender-tender ini bolehkah Yang Berhormat mengatakan berapa peratus terdiri daripada negotiated tender dan cara-cara tender yang ada sekarang itu ada besar kemungkinan boleh berlaku KARTEL yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Saya tidak dapat memberi perangkaan yang dikehendaki itu kerana perkara ini tidak dibangkitkan semasa ucapan berkenaan. Bagi bahagian yang kedua itu saya boleh jelaskan bila saya meneruskan jawapan

saya sekejap lagi dan saya berharap Ahli Yang Berhormat akan mendengarnya.

Dalam kes di mana Kerajaan telah mengenalpasti bahawa satu-satu perolehan itu hanya dikeluarkan oleh syarikat-syarikat tempatan yang bertaraf bumiputera maka tender akan dipanggil secara tender terhad di kalangan mereka yang layak atau secara rundingan terus sekiranya syarikat itu adalah pengeluar tunggal. Jadi, rundingan terus ini hanya kepada syarikat yang merupakan pengeluar tunggal.

Berkaitan dengan pemberian kontrak firma-firma dari Korea Selatan, Jepun dan lain-lain negara secara keseluruhannya adalah diasaskan kepada peraturan-peraturan perolehan yang diamalkan dalam perkhidmatan Kerajaan. Ini bermakna setiap tawaran telah dinilai dari segi teknikal dan kewangan secara teliti untuk memastikan Kerajaan dan negara memperolehi faedah yang maksima.

Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai telah membangkitkan masalah kesukaran usahawan-usahawan bumiputera untuk mendapatkan pinjaman dari bank-bank. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian Kewangan melalui Bank Negara telah mengeluarkan garis panduan pinjaman kepada bank-bank dan syarikat kewangan yang di antara lain meminta mereka meminjamkan sejumlah tertentu sumber kewangan mereka kepada kaum bumiputera. Dengan itu Kerajaan melalui Bank Negara akan terus mengawasi dan memberi perhatian ke atas garis panduan itu bagi memastikan bahawa pinjaman kepada bumiputera disalurkan dengan licin dan mudah. Jika sesuatu projek itu berdaya maju dan pengurusannya pula baik, tidak ada sebab permohonan pinjaman ditolak.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai mencadangkan supaya Kerajaan mengamalkan satu dasar cukai pendapatan yang lebih lenient, dengan izin, dengan tidak menyoal siasat dari mana para pelabur tempatan mendapat sumber kewangan pelaburan perniagaan mereka. Di sini sukalah dijelaskan bahawa adalah menjadi dasar Kerajaan untuk mengetahui dari mana sumber kewangan itu diperolehi untuk mengelakkan penipuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah pun bersikap liberal dalam dasar cukainya umpamanya dengan menyediakan berbagai-bagai galakan seperti taraf perintis, elaun cukai pelaburan dan elaun eksport.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Selangor telah membangkitkan tentang institusi kewangan dan koperasi yang banyak membantu kaum India telah pun di bawah penerimaan oleh Bank Negara.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, koperasi-koperasi yang diletakkan di bawah penerima adalah terdiri daripada koperasi-koperasi yang mengalami masalah kewangan yang teruk dan sukar untuk dipulihkan. Tindakan seumpama ini akan dilakukan ke atas mana-mana koperasi yang menghadapi masalah yang sama dan ia tidak terhad kepada koperasi-koperasi yang tertentu sahaja. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani . . . . .

**Tuan S. S. Subramaniam (Hulu Selangor):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, Ahli dari Hulu Selangor bangun.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mendapat penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tujuan soalan saya ialah untuk mendapat tahu

adakah benar khabar-khabar yang kita telah menerima iaitu ada hasrat daripada beberapa orang yang terlibat dalam perkara ini untuk mengambilalih ataupun asset—stripping dalam koperasi-koperasi dan bank-bank UAB, CCB dan juga Bank Buruh. Sebagai contoh, ada 58% saham dalam Bank Buruh, yang dipegang oleh CCB dan kita terdapat ada hasrat daripada beberapa pihak untuk mengambilalih saham ini dan tujuan saya ialah untuk mendapat tahu adakah pihak Kementerian benarkan pemindahan hak milik ini yang dipunyai oleh kaum India kepada kaum-kaum yang lain?

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga setakat ini khabar-khabar angin itu adalah tidak benar. Walau bagaimanapun, perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu bolehlah kita siasat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani telah melahirkan kerunsingan beliau terhadap merebaknya kegiatan perjudian sejak akhir-akhir ini dan telah mengesyorkan supaya perjudian dicegah dan dihapuskan sedikit demi sedikit sehingga satu hari kelak negara ini akan bebas dari pengaruh perjudian. Di sini sukalah saya menegaskan bahawa Kerajaan adalah senantiasa menjalankan usaha-usaha bagi mengurangkan kegiatan perjudian di negara ini. Beberapa langkah telah diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah judi ini seperti yang pernah dimaklumkan di Dewan yang mulia baru-baru ini.

Untuk mempergiatkan tindakan penguatkuasaan terhadap kesalahan-kesalahan berhubung dengan pertaruhan dan judi haram, Kerajaan telah mengambil tindakan untuk meningkatkan lagi hukuman dan denda melalui pindaan kepada Ordinan-ordinan Pertaruhan 1953 yang akan dibentangkan dalam mesyuarat ini juga. Di antara pindaan yang akan

dilakukan ialah mengenai hukuman penjara mandatori terhadap beberapa kesalahan di bawah Ordinan itu.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya mengucapkan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya jemput Yang Berhormat Menteri Pendidikan menjawab.

5.25 ptg.

**Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan dan teguran terhadap Kementerian Pendidikan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Kota Melaka, Kepong dan Saratok telah menimbulkan isu biasiswa dan dermasiswa pengajian tinggi yang diberikan kepada pelajar-pelajar secara tidak adil. Saya ingin menjelaskan bahawa biasiswa dan dermasiswa diberikan kebanyakannya kepada pelajar bumiputera kerana Kerajaan berhasrat membantu mereka dan inilah selaras dengan Dasar Ekonomi Baru dan tanggungjawab kita memastikan supaya penyertaan bumiputera di institusi pengajian tinggi adalah dalam kadar dan kuota yang munasabah.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong membangkitkan mengenai kajian tahun 1983 yang menunjukkan bahawa 14.7% biasiswa universiti diberikan kepada pelajar miskin dan lainnya kepada keluarga yang kaya. Saya ingin mempertikaikan kajian tersebut dan pasti kajian itu berbangkit dari orang-orang yang tidak mempunyai rasa simpati terhadap nasib golongan bumiputera.

Yang kedua, nyatalah kajian yang disebutkan ini agak out of date, dengan izin, dan tidak menunjukkan keadaan yang sebenar sekarang.

Yang ketiga, elok kita jelaskan bahawa kriteria pemilihan biasiswa ini tentu diambil kira prestasi akademik, kegiatan ko-kurikulum, prestasi dan temuduga yang diadakan di samping kedudukan sosio-ekonomi pelajar-pelajar. Kalau kita ambil pendapatan keluarga \$350 ke bawah sahaja sebagai kriteria nyatalah ini satu ukuran tidak munasabah kerana orang-orang yang mendapat \$500, bahkan \$600 di kalangan keluarga bumiputera tidak mungkin dapat menghantar anak-anak ke universiti tanpa bantuan Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah membangkitkan kedudukan pendidikan orang-orang Asli dan menyelar bahawa Kementerian telah tidak memberikan tumpuan terhadap nasib mereka. Saya ingin menjelaskan bahawa anak-anak Orang Asli bukan sahaja telah diberikan faedah pendidikan sama, bahkan dalam prinsip pendemokrasian pendidikan anak-anak Orang Asli telah diberikan beberapa keistimewaan tambahan yang telah tidak diberikan kepada pelajar-pelajar yang lainnya. Ini termasuk anak-anak Orang Asli belajar di sekolah rendah dan menengah bantuan penuh, mengadakan asrama-asrama tambahan dan juga memberikan kemudahan-kemudahan tambahan kepada mereka termasuk bantuan makanan dan dermasiswa tambahan.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah membangkitkan soal kuota kemasukan kaum bumiputera yang didakwa melebihi 50% di institusi pengajian tinggi. Kadar yang dipersetujui oleh Kerajaan dan dipersetujui oleh parti-parti komponen dalam Barisan Nasional beberapa tahun yang lalu ialah 55% bumiputera dan 45% bukan bumiputera. Kadar ini

telah kita pertahankan dan ini mencerminkan kedudukan dan keperluan negara, lebih-lebih lagi kerana jumlah keseluruhan pelajar-pelajar bumiputera dalam bidang ikhtisas jauh berkurangan. Walaupun rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP merasakan kurang puas hati, saya ingin menjelaskan juga bahawa ramai sekali orang-orang Melayu dan anak-anak bumiputera dari Sabah dan Sarawak juga mengeluh dan merasakan keputusan dan kuota ini tidak munasabah dan tidak adil kerana sesungguhnya jumlah golongan profesional di kalangan bukan bumiputera itu jauh lebih besar dan tinggi. Kalau hendak kita pertahankan prinsip keadilan, sepatutnya jumlah bumiputera di institusi-institusi pengajian tinggi harus jauh lebih tinggi daripada apa yang ditetapkan, tetapi memandangkan keperluan kita untuk menjaga keharmonian di antara kaum, maka kita pertahankan dasar yang sedia ada.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang dan Kepong membangkitkan kedudukan dan masalah siswazah menganggur yang kata mereka menandakan kegagalan sistem pendidikan. Saya menerima baik teguran ini kerana memang sudah adapun langkah-langkah diambil oleh universiti-universiti tempatan dan institusi pengajian tinggi untuk mengubahsuai kurikulum yang ada, kursus-kursus yang ada, setelah mendapat input dari syarikat-syarikat swasta. Dan usahawan-usahawan tempatan memberi cadangan supaya beberapa kursus diubahsuai dan beberapa input tambahan diadakan supaya anak-anak yang keluar sebagai graduan dari universiti tempatan akan lebih berpeluang untuk mendapat pekerjaan ataupun berdikari. Tetapi ingin saya jelaskan bahawa falsafah pendidikan tidak harus utilitarian, dengan izin, sifatnya tidak harus memikirkan semata-mata keperluan

pekerjaan. Pendidikan tidak boleh lari daripada semangat dan prinsip *assimilation of knowledge*, dengan izin, dan juga untuk menanam kecintaan terhadap ilmu atau *love for scholarship*, dengan izin.

Oleh yang demikian, ingin saya menjelaskan bahawa di samping kita melatih anak-anak supaya dapat dan mampu bekerja dan menjadi . . . . .

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kepong bangun.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Biar saya habis ayat ini dahulu, dan menjadi warganegara yang bertanggungjawab, kecintaan terhadap ilmu dan peluang pekerjaan itu haruslah ada. Maknanya pendidikan di pusat pengajian tinggi harus membuat penyesuaian untuk memenuhi keperluan tenaga kerja yang ada, tetapi tidak boleh mengorbankan kepentingan dunia ilmu yang dipertahankan dan wajar dipertahankan oleh mana-mana universiti.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Memang saya setuju bahawa dunia ilmiah atau dunia akademik ini mesti kita pertahankan. Bolehkan Yang Berhormat itu menyatakan di sini sama ada Jabatan Tenaga Manusia ada membuat kajian yang teliti dengan keperluan-keperluan negara ini untuk bidang-bidang yang tertentu. Memang kita hendak menyeimbangkan dengan kehendak dunia akademik dan ilmiah ssesuai dengan realiti negara ini. Kalau tidak, kita akan mengeluarkan graduan-graduan yang begitu banyak yang tidak dapat kerja dalam negara ini. Ini akan mewujudkan keadaan yang sangat bahaya. Sebab itulah saya kata di sini walaupun hasrat kita, kita

mesti hendak menambahkan bilangan profesional untuk kaum-kaum bumiputera, tetapi kita hendak mengingatkan kita jangan mewujudkan perbezaan yang terialu nyata, buat masa sekarang ini akan dilaksanakan dari peringkat ke peringkat, jangan kita tergopoh-gapah hendak ubahkan keadaan dengan begitu cepat.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Terima kasih. Saya tidak tahu di mana yang gopoh-gapah itu. Saya tidak tahu Yang Berhormat bayangkan satu keadaan di angkasa lepas atau lain-lain. Tetapi berdasarkan perubahan yang berlaku di universiti tempatan, perubahan itu berlaku tetapi setelah perancangan dibuat. Umpamanya universiti-universiti baru, katakanlah Universiti Utara Malaysia. Bila ia diwujudkan, arahan Kerajaan dan Jemaah Menteri ialah supaya Universiti Utara Malaysia menumpukan perhatian dalam bidang pengurusan dan perniagaan. Dan oleh yang demikian tidak timbul satu perubahan yang mendadak dalam kurikulum yang ditetapkan.

Mengenai kekurangan buku teks KBSM yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, saya telah memberikan jaminan bahawa di bawah Skim Pinjaman Buku Teks ini dasar kelayakan murid telah ditetapkan dan kita akan pastikan apa-apa kekurangan dapat diperbaiki. Begitu juga tentang buku teks bagi memenuhi pelajaran kemahiran hidup. Ini mengambil masa kerana mata pelajaran kemahiran hidup adalah mata pelajaran yang baru diperkenalkan di Tingkatan Satu mengikut Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah yang baru. Dan oleh kerana dia melibatkan keperluan dalam bidang vokasyional, teknik, keperluan industri dan ini satu perkara yang amat baru sekali untuk diperkenalkan di sekolah menengah untuk semua pelajar, tidak sahaja kepada pelajar teknik dan vokasyional sebab itulah maka perkara ini ditangguhkan sehingga penggal kedua, 1989 dan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 1992.

Kesahihan data dalam Laporan Kajian Semula RML telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Saya menerima baik kalau Ahli Yang Berhormat mempertikaikan kesahihan itu dan membangkitkan angka-angkanya sendiri tetapi Kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan terpaksa menjalankan urusannya setelah mendapat maklumat dari Jabatan Pendidikan peringkat daerah, negeri dan jabatan-jabatan yang lain dan membandingkan dengan angka-angka yang diperolehi itu dengan Kementerian-kementerian lain dan juga jabatan-jabatan serta agensi-agensinya yang telah memberikan peluang atau mengadakan peluang-peluang pendidikan seperti MARA, Kementerian Buruh, Kementerian Belia dan Sukan, Pertahanan dan lain-lain.

Ahli Yang Berhormat dari Saratok mencadangkan supaya sekolah rendah, terutama di kawasan pendalaman yang mempunyai pelajar-pelajar yang agak lemah mengadakan kelas tambahan di waktu malam. Saya tidak ada halangan untuk orang mengadakan kelas malam ini, cuma ini tidak boleh dipaksakan kepada semua sekolah dan terpaksa sekolah-sekolah mengendalikan rancangan secara sukarela sepertimana yang sedia dijalankan oleh kebanyakan sekolah-sekolah yang mempunyai asrama termasuklah di Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, yang membangkitkan soal kedudukan bumiputera dari Sarawak di institusi pengajian tinggi, bumiputera di Sarawak dan di Sabah telah diberikan pertimbangan khas untuk memasuki universiti tempatan kerana kebanyakan pelajar-pelajar ini tidak dapat bersaing dengan pelajar-pelajar dari Semenanjung. Oleh hal yang demikian, pelajar-pelajar yang mempunyai keputusan yang lebih rendah dibawa masuk ke universiti tetapi mereka terpaksa bersaing di universiti tetapi kita tidak dapat

menjamin mereka dapat lulus sekiranya mereka tidak bertekun lebih dari pelajar-pelajar yang lain.

Di maktab-maktab perguruan sejak tahun 1986 lagi, 96% daripada calon diambil berkursus di maktab perguruan di Sarawak adalah terdiri dari rakyat tempatan. Calon dari Sarawak yang mengikuti kursus perguruan di maktab perguruan di Semenanjung juga telah ditingkatkan dari 60 kepada 120 orang. Di samping itu semua peserta kursus perguruan asas masa cuti bagi guru sandaran yang dilatih di Sarawak adalah terdiri dari penduduk tempatan.

Yang Berhormat dari Marang telah membangkitkan tentang sistem pendidikan yang harus dikemaskini saya menerima baik teguran ini kerana ini selaras dengan rancangan kita mewujudkan reformasi pendidikan, termasuklah penguasaan bahasa yang pelbagai, bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan lain-lain keterampilan dalam bidang-bidang tertentu dan peningkatan ilmu dalam bidang-bidang termasuk vokasional dan untuk menyesuaikan dengan rancangan dan pelan induk perindustrian.

Saya juga akui bahawa ada masalah yang dihadapi oleh kerana ada terdapat pelajar-pelajar yang tidak mengetahui jurusan yang mereka dapat terokai setelah mereka tamat pengajian. Perkara ini kita akan ambil perhatian supaya diperbanyakkan kursus-kursus untuk menjelaskan peluang-peluang pekerjaan setelah anak-anak selesai peringkat SPM/STPM. Ini termasuklah perkhidmatan bimbingan kerjaya kepada pelajar-pelajar.

Yang Berhormat dari Kepong membangkitkan tentang bilangan pelajar bumiputera yang menerima biasiswa belajar di luar negeri. Saya agak dukacitalah kerana Ahli Yang Berhormat dari Kepong ini terus menerus membangkitkan isu tersebut padahal Yang Berhormat cukup arif

bahawa jumlah yang diberikan kepada pelajar bumiputera sebanyak 8,800 orang itu merupakan jumlah yang paling kecil dibandingkan dengan jumlah semua pelajar Malaysia dari kalangan semua kaum di luar negeri yang berjumlah 57,000 orang.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun. Nanti sekejap.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Ini bermakna bahawa bilangan pelajar bumiputera yang diberikan biasiswa terdiri dari 15.5% sahaja daripada semua jumlah pelajar-pelajar luar negeri pada tahun ini.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengenai dengan isu perbezaan jumlah pelajar bumiputera dan bukan bumiputera ini dan dikaitkan tadi mengenai dengan jawapan awal bersabit dengan jurang yang begitu besar di antara jurusan iktisas di kalangan bumiputera dan bukan bumiputera. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan oleh kerana jumlah bumiputera masih lagi kurang dari segi bidang iktisasnya, apakah sebab dan kriteria dua diploma dari Kolej Tunku Abdul Rahman diiktiraf oleh Kerajaan baru-baru ini. Apakah ini akan meluaskan jurang perbezaan, dan apakah cara untuk mengatasi masalah tersebut dan adakah diploma daripada Kolej Tunku Abdul Rahman akan terus diiktiraf seterusnya selepas ini.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas setelah meninggalkan UMNO tidak dapat mengikuti perkembangan yang terakhir ini. Tetapi saya ingin menjelaskan sesuai dengan dasar liberal beliau sekarang ini yang mengadakan pakatan dengan parti-parti Pembangkang sepatutnya

menyokong langkah ini. Tetapi saya agak terkejut jugalah dengan pandangan yang beliau bangkitkan. Saya hendak jelaskan dari dasar pengiktirafan Kerajaan . . . .

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** (*Bangun*)

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Saya jawab dululah—kita iktiraf semua kursus yang diiktiraf, yang pernah kita iktiraf di luar negeri atau dalam negeri. Hari ini kita telah membuka banyak institusi pengajian swasta di dalam negeri dan institusi ini telah mengadakan beberapa program persediaan bersama dengan institusi pengajian tinggi di luar negeri sama ada dari pihak Kerajaan seperti mana KPP di ITM atau MARA dan juga oleh sektor swasta.

Oleh yang demikian, dari masa ke semasa bila diangkat untuk pertimbangan Jawatankuasa Pengiktirafan Kerajaan, Kerajaan menimbang dengan saksama. Saya ingin menjelaskan bahawa permohonan dari Kolej Tunku Abdul Rahman adalah banyak sekali dan ialah untuk mengiktiraf sijil-sijil itu mengikut kadar yang lebih tinggi. Apa yang diputuskan oleh Kerajaan ialah untuk mengiktiraf sijil-sijil ini mengikut kesesuaian yang difikirkan wajar di peringkat Kerajaan. Walaupun perkara ini tidak dianggap memuaskan bagi Kolej yang berkenaan tetapi kita tidak dapat menolak kenyataan bahawa pengiktirafan harus diberikan sekiranya didapati bahawa kursus-kursus itu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan selama ini.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk berdialog dengan Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Walau macam manapun, sekali lagi saya rasa tercuitalah apabila saya membangkitkan soalan tersebut terus dikatakan seolah-olah sejak meninggalkan UMNO saya sudah ketinggalan fakta-fakta ataupun ketinggalan maklumat-maklumat dan

sepatutnya saya menyokong apa yang berlaku sesuai dengan pakatan dengan pihak Pembangkang.

Saya hendak memberitahu pada Yang Berhormat, sifat seorang hulubalang. Sifat seorang hulubalang di mana dia duduk tidak menjadi persoalan. Walaupun sekarang ini kita ada pakatan dengan Pembangkang, tetapi yang bagus, yang baik, kita sokong. Kerajaan buat yang baikpun kita sokong. Saya bukan bersikap bila masuk dalam Kerajaan saya mengiakan semua bila saya ada kedudukan yang besar, kedudukan sebagai seorang Menteri, minta maaf, sekali sekalipun saya hendak tegur jugalah, sebab bila saya bangkit dengan sifat, yakni keras itu, terus diserang. Tetapi maklum sahajalah, apa boleh buat, hulubalang—sifat hulubalang terpaksa sekali-sekali, inipun bangun menjawab ini dengan lembut, saya tidak bercadang untuk berdialog, sebab saya kira walaupun saya berada di tempat ini tetapi soal pengiktirafan yang saya bangkitkan ini penting, sebab ada implikasinya dalam konteks pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, kerana sebelum ini ada usaha-usaha, mungkin ada perkara-perkara yang saya boleh setuju dengan Pembangkang dan mungkin ada yang saya tidak bersetuju, pada pandangan saya dalam soal perbezaan ini. Dahulu berapa banyak tekanan-tekanan yang dibuat untuk mengiktiraf kelulusan Kolej Tunku Abdul Rahman. Tahniahlah, pengiktirafan ini berlangsung di waktu Yang Berhormat menjadi Menteri Pendidikan, tahniah dan terima kasih.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Terima kasih. Janganlah tersinggung sangat. Yang disentuh itu sedikit sahaja dan itu pun kenyataan, tak payahlah panjang-panjang tafsirannya.

Yang saya sebut ini ialah bahawa pengiktirafan yang diberikan itu adalah mengikut pertimbangan dan kelulusan yang diberikan oleh Kerajaan, tidak seperti mana yang difikirkan wajar

oleh institusi berkenaan. Ada yang menganggap bahawa ini akan menjejaskan kedudukan dan kepentingan pelajar-pelajar bumi-putera dan Dasar Ekonomi Baru.

Saya ingin menjelaskan bahawa perkara itu tidak berbangkit sama sekali dan kedudukan serta kepentingan Dasar Ekonomi Baru tidak terjejas sama ada Kerajaan mengiktiraf dari segi keperluan mengambil mereka menjadi pegawai Kerajaan atau tidak, golongan profesional ini diambil kira dalam perkiraan kita. Oleh yang demikian, saya ingin menjelaskan sekali lagi soal ini kerana mungkin dalam kempen-kempen di luar memang telah pun digunakan, walaupun dalam Parlimen nampaknya sopan santun, saya ingin menjelaskan bahawa perkara itu tidak timbul dan kalau secara ikhlas hendak melahirkan rasa bimbang, saya hendak jelaskan bahawa tidak perlu bimbang. Saya ucapkan terima kasih atas peringatan itu.

Itu ada hubungan dengan pandangan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang yang meminta Kerajaan supaya mengiktiraf sijil-sijil persekolahan persendirian Cina dan ijazah luar negeri. Saya ingin menjelaskan bahawa syarat-syarat pengiktirafan ini jelas dan Jawatankuasa Pengiktirafan Kerajaan mempunyai beberapa peraturan dan kita akan menimbang dari masa ke semasa dan pertimbangan politik tidak harus diambil kira.

Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa minta diusahakan program pendidikan yang sesuai dengan hasrat membangunkan insan. Dalam Dewan yang mulia ini, di dalam kesempatan yang lain, saya telah jelaskan dan minta supaya Ahli Yang Berhormat bersama dengan rakan-rakan yang lain supaya mengikuti sedikit sebanyak usaha yang telah dibuat bagi melaksanakan falsafah pendidikan yang baru yang telah dimantapkan bersama dengan langkah

Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah yang menitik-beratkan soal pembangunan pembinaan insan seutuh-utuhnya.

Ahli Yang Berhormat dari Kimanis telah membangkitkan soal 17 guru-guru sandaran yang telah ditamatkan tempoh perkhidmatan mereka, perkara ini telah saya jelaskan dalam Dewan yang mulia ini bahawa dari masa ke semasa sesuai dengan tahap dan mutu pendidikan yang meningkat, kita terpaksa mengambil calon-calon guru yang jauh lebih baik kelayakan mereka. Guru-guru sementara yang diambil pada satu ketika dengan kelayakan yang paling minima boleh dipertimbangkan sekiranya syarat-syarat yang mereka perolehi itu munasabah. Kalau 17,000 guru sandaran yang ada dan kita perlukan hanya 5,000 tahun ini mustahil kita dapat menerima keseluruhan dari jumlah tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Selangor telah membangkitkan tentang kedudukan kedaifan Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) di ladang-ladang, saya telah memberi pengakuan untuk memberikan bantuan tambahan kepada sekolah-sekolah daif ini kerana kita tidak masukkan kategori sekolah-sekolah daif itu kepada Sekolah Kebangsaan Tamil atau Cina tetapi semua sekolah-sekolah yang benar-benar daif akan diberikan bantuan modal. Cuma masalah yang kita hadapi ialah selain daripada peruntukan yang agak terbatas yang sekarang telah ditambah oleh Kerajaan ialah kerana soal kelulusan tapak tanah oleh Lembaga Pengurus Sekolah yang sebenarnya banyak menghadapi masalah.

Walaupun Ahli-ahli Yang Berhormat dari masa ke semasa mengatakan bahawa ini bukan masalah tetapi dari segi perlaksanaannya, kita hadapi terlalu banyak masalah kerana banyak dari tuan-tuan tanah dan tuan-tuan estet yang tidak bersetuju untuk

menyerahkan tapak tanah itu bagi membangunkan sekolah baru di tapak baru.

Ahli Yang Berhormat juga membangkitkan soal jumlah pelajar India yang tidak ramai di institusi-institusi pengajian tinggi. Saya tidak tahulah macam mana hendak diramaikan, selain daripada memastikan bahawa calon-calon yang memohon itu mempunyai kelayakan yang cukup.

Sekarang ini saya hendak jelaskan bahawa kita mengamalkan prinsip ada sedikit pertimbangan kuota. Tetapi kuota ini pun adalah di antara pelajar-pelajar yang terbaik. Ada di beberapa fakulti tertentu didapati pelajar-pelajar India mempunyai calon yang layak dan ada fakulti-fakulti yang lain di mana calon-calonnya kurang baik. Saya ingin menekankan di sini bahawa sedapat boleh kita akan memberikan pertimbangan kepada semua kaum. Tetapi prinsip pemilihan universiti akhirnya mestilah berasaskan kelayakan akademik walaupun soal kuota itu diberikan pertimbangan. Setelah menerima rayuan-rayuan ini, saya telah pun mengadakan mesyuarat dengan wakil-wakil universiti dan mengatakan bahawa dasar dan prinsip kuota itu haruslah dipertahankan kerana ini telah pun dijanji oleh Kerajaan Barisan Nasional.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya dapat sedikit penjelasan. Walaupun saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas peruntukan yang telah bertambah untuk sekolah-sekolah Tamil ini, ada beberapa pihak telah menyerahkan tanah kepada Kerajaan, tetapi jawapan daripada Kementerian Pendidikan ialah tiada peruntukan ataupun enggan untuk mengambil alih tanah itu. Ini benar, oleh kerana dalam kawasan saya sahaja, ada dua sekolah yang telah menyerahkan tanah kepada Kementerian, tetapi Kementerian tidak bersetuju untuk mengambilalih tanah itu.

Kedua, saya ingin mendapat sedikit penjelasan, bagaimana boleh terdapat satu keadaan di mana hanya satu penuntut sahaja telah diambil oleh UKM dalam fakulti perubatan pada sesi 1989 ini. Adakah ini atas kelayakan ataupun dari segi kuota? Saya amat kecewa apabila saya dengar ada satu sahaja yang telah berjaya untuk masuk UKM dalam fakulti perubatan itu.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat ini dapat maklumat yang salah—bukan kali ini sahaja, banyak kali nampaknya ini.

Sebenarnya, tidak benar satu sahaja pelajar India di Fakulti Perubatan UKM. Saya tidak tahulah, kadang-kadang takrif India pun saya tidak tahu. Apakah India Selatan atau Utara, Sikh masuk atau tidak, Ceylonese masuk atau tidak. Tetapi yang saya tahu jumlahnya lebih daripada itu. Jadi, patut rujuk dahulu kepada Kementerian atau Universiti yang berkenaan sebelum menghebahkan perkara ini.

Dalam akhbar-akhbar bahasa Tamil, perkara ini jadi satu isu yang besar, kerana kata mereka hanya satu sahaja pelajar India yang diterima masuk di Fakulti Perubatan UKM. Dari maklumat yang saya perolehi, saya akan berikan penjelasan kemudian nanti ialah jauh lebih ramai dari itu.

Yang keduanya mengenai penyerahan tanah, Jabatan Pendidikan tidak memohon tanah daripada sekolah swasta itu diserahkan. Yang kita mahu ialah kebenaran daripada tuan tanah itu supaya dapat dibangunkan sekolah atau diperbaiki sekolah di kawasan tanah yang asal. Itupun tidaklah pula diharapkan sebaik sahaja lulus bulan ini maka kita harus luluskan peruntukan segera. Itu terserah kepada keupayaan kita tetapi saya beri jaminanlah di sini bahawa dalam kes-kes tertentu di mana sekolah-sekolah didapati benar-benar daif, Kerajaan tidak akan mencuaikan tanggungjawab.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasihlah di atas perkara tanah itu. Tetapi berkaitan dengan pengambilan satu murid kaum India dalam Fakulti Perubatan UKM itu, saya mohonlah daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk saya dapat satu jawapan melalui surat di atas sebenar-benarnya apa yang telah berlaku dalam sesi 1989.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Terima kasih. Tetapi surat tidak surat pun saya hendak jelaskan bahawa keterangan itu tidak benar. Kenyataan bahawa seorang pelajar India di Fakulti Perubatan UKM itu tidak benar dan saya rakamkan rasa dukacita kerana akhbar-akhbar bahasa Tamil telah memainkan isu ini dengan besarnya berdasarkan maklumat yang tidak benar.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas telah menimbulkan isu pencapaian bumiputera di institusi-institusi pegajian tinggi adalah rendah.

Perkara ini telah pun kita bangkitkan kerana sementara kita memberikan galakan dan peluang kepada bumiputera, kita tidak mahu institusi pengajian tinggi di negara kita di "institutionalise" satu prinsip kesederhanaan atau "mediocrity", dengan izin. Kita mahu universiti kita sebagai pusat cemerlang, sebagai "centres of excellence", dengan izin. Oleh yang demikian, adalah langkah-langkah telah diambil dan ini tidak bermaknalah kita pertahankan satu zero sum game. Sebaik sahaja kita tekankan soal "meritocracy" tidak bermakna kita akan mengorbankan prinsip keadilan sosial dan Dasar Ekonomi Baru. Sementara kita pertahankan prinsip keadilan sosial dan Dasar Ekonomi Baru, kita juga harus bekerja lebih kuat dan tegas untuk memastikan pusat-pusat pengajian tinggi kita ini menjadi pusat-pusat cemerlang. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dijemput Timbalan Menteri Pertanian.

*5.56 ptg.*

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang melibatkan Kementerian Pertanian.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah membangkitkan soal Dasar Pertanian Negara yang pada pendapat beliau tidak memberi faedah kepada golongan petani kerana dilaksanakan secara kapitalistik iaitu mementingkan individu tertentu sahaja dan soal-soal subsidi yang diberikan oleh Kerajaan Thailand kepada petani-petani.

Suka saya nyatakan di sini bahawa adalah tidak benar untuk mengatakan bahawa Dasar Pertanian-Negara tidak memberi faedah kepada golongan petani kerana matlamat Dasar Pertanian Negara adalah untuk memaksimumkan pendapatan daripada petani melalui penggunaan sumber-sumber negara dengan cekap dan mempergiatkan semula sumbangan sektor pertanian kepada pembangunan ekonomi negara keseluruhannya.

Di bawah Kementerian Pertanian terdapat 12 jabatan dan agensi yang memberi khidmat kepada petani, penternak dan nelayan di negara ini. Selain daripada itu, terdapat 15 projek pembangunan pertanian bersepadu yang dilaksanakan oleh Kerajaan di mana dalam tahun 1989 sahaja peruntukan sebanyak \$203,056,000 telah diluluskan dan di bawah Rancangan Malaysia Kelima, Peruntukan hampir \$1 bilion telah diluluskan. Di bawah skim Separuh Penggal pula, tambahan sebanyak \$75.09 juta adalah dicadang untuk

ditambah kepada peruntukan asal menjadikan berjumlah \$1.32 bilion.

Adalah nyata Dasar Pertanian Negara telah dapat membantu golongan petani kerana kadar kemiskinan telah menurun jika dibandingkan di antara tahun 1984 dengan tahun 1987 seperti saya sebutkan sekarang.

Penanaman padi di Semenanjung Malaysia, kadar 1984 adalah 57.7%, bagi 1987 adalah 50.2%, pekebun kecil kelapa pada tahun 1984—46.2%, tahun 1987—39.2%, nelayan tahun 1984—26.1%, pada 1987—24.5%. Perangkaan ini jelas ditunjukkan dalam dokumen Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Mengenai perkara subsidi yang dibangkitkan, dimaklumkan selaras dengan matlamat Dasar Pertanian Negara, Kerajaan bercadang untuk menggalakkan sistem perladangan dan sikap berdikari di kalangan petani-petani. Subsidi hanya diberikan dalam usaha untuk memperkenalkan teknologi baru serta menggalakkan pengeluaran. Selain daripada khidmat sokongan biasa yang diberi oleh jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan, subsidi yang paling besar diberi ialah dari segi harga dan baja padi. Dalam tahun 1989 sebanyak \$245 juta telah disediakan bagi subsidi harga padi dan \$86 juta untuk subsidi baja. Kedua-dua subsidi ini merupakan 25.7% daripada keseluruhan peruntukan Kementerian Pertanian. Di dalam menentukan bentuk serta jumlah subsidi yang perlu diberi kepada petani-petani, Kerajaan menimbang faktor-faktor berdasarkan kepada keperluan dan kepentingan petani-petani di negara kita sendiri. Oleh itu kita perlu berhati-hati di dalam membuat perbandingan di antara subsidi yang diberi oleh negara-negara lain kepada petani-petannya dengan bentuk-bentuk subsidi yang terdapat di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, wakil daripada Lembah Pantai telah membangkitkan tentang perbelanjaan yang besar untuk kajian dan penyelidikan di dalam bidang pertanian sedangkan hasilnya tidak memberangsangkan berbanding dengan hasil pertanian. Penyelidikan pertanian di Malaysia tidak terhad kepada buah-buahan sahaja tetapi meliputi banyak komoditi-komoditi ladang dan bunga-bunga. Selain daripada itu, penyelidikan juga dijalankan di bidang pertanian oleh agensi lain khususnya ke atas penyelidikan getah dan kelapa sawit. Di antara agensi-agensi yang terlibat dengan penyelidikan di bidang pertanian ialah MARDI, RRI, PORIM dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Kemajuan yang telah dicapai di dalam penyelidikan pertanian adalah banyak dan di antaranya telahpun disumbangkan kepada pembangunan sosio-ekonomi negara. Selain dari penyelidikan-penyelidikan pengeluaran tanaman institut seperti MARDI telah berjaya mengeluarkan teknologi-teknologi pengendalian lepas atau "post-harvest" dan pemprosesan hasil-hasil pertanian melalui Bahagian Teknologi Makanan MARDI. Ini termasuk mengeluarkan berbagai jenis makanan, serbuk santan kelapa, pengeluaran lemak menggunakan mesin, pengeluaran makanan segera tentera dan pelbagai jenis halwa.

Tuan Yang di-Pertua, kemajuan tersebut adalah hasil penyelidikan yang telah dijalankan oleh MARDI. Selain daripada MARDI, institut seperti PORIM dan RRI telah berjaya memperkenalkan teknologi-teknologi pengeluaran dalam tanaman getah dan kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Rajang membangkitkan masalah yang dihadapi oleh petani-petani, pekebun-pekebun kecil dan nelayan yang sebahagian besarnya terdiri daripada

orang Dayak yang miskin. Beliau seterusnya mencadangkan supaya Bank Pertanian Malaysia mengeluarkan lebih banyak pinjaman kepada penduduk-penduduk di negeri Sarawak bagi melaksanakan projek-projek pertanian.

Berhubung dengan perkara ini saya memaklumkan bahawa Bank Pertanian Malaysia memang memberi kelonggaran dari segi cagaran kepada peminjam-peminjam di negeri tersebut, di mana peminjam boleh mengemukakan penjamin sekiranya mereka tidak mempunyai harta tanah. Walau bagaimanapun, petani-petani digalakkan menjalankan projek pertanian secara berkelompok dan mendapat sokongan kuat daripada Jabatan, Agensi atau Agensi Kerajaan Negeri.

Setakat ini Bank Pertanian Malaysia telah meluluskan sebanyak 75 pinjaman yang bernilai \$2,128,000 kepada Kumpulan Rumah Panjang yang terlibat dengan Projek Tanaman Berkelompok seperti koko dan kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah jawapan saya mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya jemput Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

6.03 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Adam bin Abdul Kadir):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian membahaskan dan memperkatakan tentang Kementerian saya, di dalam usul mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua.

Saya memberi perhatian terhadap komen-komen dan juga pendapat serta teguran Ahli Yang Berhormat dari Saratok, terutamanya berkaitan dengan saranan beliau supaya tanah yang dikonsepskan di bawah NCR (Native Customary Right) di Sarawak itu diusahakan berdasarkan asas RISDA sepertimana yang dilakukan di sebelah Semenanjung Malaysia ini. Dalam perkara ini sukacita saya mengatakan bahawa sekarang inipun di Sarawak sudah ada SALCRA yang melakukan tindakan tidak begitu jauh bezanya walaupun tidak sama dengan apa yang dilakukan daripada segi aktiviti oleh RISDA.

Saya daripada segi pengalaman sendiri pernah pergi ke Sarawak dan telah memerhatikan sendiri bagaimana treatment diberikan kepada NCR di sana. Pihak Kerajaan, apa lagi pihak Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah sentiasa peka ataupun memberi hakikat yang sensitif, treatment yang sensitif, dengan izin, terhadap soal-soal berkaitan dengan NCR di Sarawak.

Kita boleh nampak bagaimana apabila kita membuat sesuatu rancangan tanah yang melibatkan tanah di bawah NCR, Kita ketepikan dahulu dan kita memberi hak dan layanan istimewa sehinggalah pada satu ketika orang yang terlibat dengan NCR itu mendapat penjelasan dan penyelesaian yang sebenarnya daripada pihak berkuasa setempat dan juga pihak berkuasa negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, yang turut sama memberi teguran, pendapat dan juga syor-syor yang berkaitan dengan program-program, aktiviti-aktiviti serta kegiatan-kegiatan di bawah Rancangan Malaysia Kedua yang berkaitan dengan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Tegasnya di bawah FELDA,

RISDA dan juga Agensi-agensi Regional Development Authority seperti DARA, PERDA, KEDA, KETENGAH juga KEJORA. Jadi segala teguran dan cadangan itu kami berikan perhatian sebaik-baik dan insya Allah akan kita terjemahkan ini di dalam program-program kita yang akan datang. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya jemput Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian menjawab.

6.07 ptg.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terimakasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, cadangan dan pandangan yang membina dalam perbahasan usul mengenai Kajian separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima yang menyentuh perkara-perkara di bawah bidang kuasa perdagangan dan perindustrian.

Izinkan saya memberi jawapan ke atas beberapa perkara tertentu yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah menyatakan bahawa Kerajaan perlu menyelaraskan pemindahan teknologi ke negara ini dengan lebih berkesan lagi kerana ada pelabur-pelabur seperti Jepun tidak mahu memindahkan teknologinya semasa melabur di negara ini.

Saya ingin menyatakan di sini, Malaysia sentiasa bersikap positif terhadap sains moden dan teknologi serta kemahiran, kerperluan terhadap perkara ini dan pendirian sedemikian adalah jelas sekiranya diperhatikan kepada penekanan yang diberi kepada sains dan teknologi di dalam semua program pembangunan, penyelidikan, latihan kemahiran dan pembangunan teknologi diberi keutamaan setiap masa.

Mengenai pemindahan teknologi khususnya daripada syarikat-syarikat "Transnational Corporation" dan "Multinational Corporation" (TNC) (MNC), Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sememangnya mengawasi proses pemindahan teknologi mereka dengan syarikat-syarikat tempatan iaitu melalui kajian serta penelitian perjalanan-perjalanan pemindahan teknologi seperti berikut:

- (i) Perjanjian Usahasama;
- (ii) Perjanjian Bantuan Teknikal;
- (iii) Perjanjian Know-how;
- (iv) Perjanjian Perlesenan;
- (v) Perjanjian pengurusan Perkhidmatan;
- (vi) Perjanjian Cap Dagangan;
- (vii) Perjanjian Pemasaran atau Jualan; dan
- (viii) Perjanjian Turn-key.

Sememangnya ada syarikat-syarikat asing dan para pelabur yang tidak begitu serius untuk memindahkan teknologi ke negara ini. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian memandang berat mengenai pemindahan teknologi dan usaha-usaha akan terus dijalankan bagi memastikan pemindahan teknologi, khususnya hari Transnational Corporation dan pelabur negara-negara maju berlaku secara lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini syarikat-syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 (Pindaan) dikenakan syarat dalam lesen pengilangan yang memerlukan kelulusan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian diperolehi terlebih dahulu bagi semua perjanjian pemindahan teknologi yang ditandatangani.

Perjanjian-perjanjian pengurusan dan usahasama syarikat yang mengandungi element bantuan teknikal juga dikaji oleh Kementerian

Perdagangan dan Perindustrian jika diperlukan oleh Jawatankuasa Pelabur Asing (NIC).

Tujuan penyelarasan dan pengawasan atas perjanjian-perjanjian itu adalah untuk—

- (1) memastikan perjanjian-perjanjian bersifat adil dan tidak mengenakan sekatan-sekatan yang boleh menghalang perkembangan-perkembangan syarikat tempatan seperti sekatan ke atas eksport, penyelidikan dan pembangunan, penggunaan teknologi selepas tamat tempoh perjanjian dan pemberian percuma oleh syarikat tempatan kepada syarikat asing atau licensor ke atas pembaharuan-pembaharuan yang diterokai.
- (2) memastikan bayaran-bayaran jika dikenakan adalah seimbang dengan tingkat teknologi yang akan dipindahkan dan tidak pula mendatangkan kesan buruk ke atasimbangan pembayaran serta mengurangkan kemungkinan berlakunya transfer pricing.
- (3) memperkukuhkan kebolehan tawar-menawar di pihak tempatan kerana kedudukan tawar-menawar yang agak lemah di kalangan syarikat-syarikat tempatan boleh mengakibatkan keputusan "take it or leave it" oleh pihak Transnational Corporation dan Multi-national Corporation; dan
- (4) memastikan bahawa faedah-faedah digunakan sepenuhnya dari hubungan tersebut dalam aspek pemindahan teknologi sama ada melalui "blue-print" latihan dan juga pengalaman-pengalaman yang boleh ditimba oleh pihak tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya difikirkan perlu oleh pihak pelabur untuk melanjutkan tempoh

perjanjian, pembekal-pembekal teknologi dikehendaki mengemukakan maklumat-maklumat yang dapat meyakinkan Kementerian ke atas perlunya perlanjutan tempoh itu sebagai asas-asas pertimbangan. Aspek-aspek yang diberi perhatian dalam menimbang sesuatu permohonan untuk lanjutan tempoh perjanjian ialah:

- bentuk aktiviti RME;
- tambahan latihan teknikal untuk pekerja;
- pengisian jawatan-jawatan teknikal;
- pengeluaran-pengeluaran baru;
- kemajuan proses pengeluaran;
- pemindahan mutu keluaran;
- penggunaan bahan mentah tempatan dan sebagainya.

Syarat-syarat ini kesemuanya dikenakan dengan tujuan bukan hanya untuk memastikan berlakunya pemindahan teknologi tetapi para pembekal serta pelabur diberi tanggungjawab untuk berusaha memindahkan sesuatu teknologi itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap telah mencadangkan supaya Kerajaan selaraskan IMP dengan usaha-usaha pembangunan sosio-ekonomi yang lain seperti urbanisasi negara secara pendekatan yang lebih bersepadu.

Dalam hal ini suka saya menyatakan bahawa dalam usaha untuk membangunkan sektor perindustrian negara, Kerajaan turut juga memberi perhatian kepada usaha-usaha mengintegrasikan pembangunan kawasan industri dengan pembangunan wilayah-wilayah di negara ini. Ini dapat dilihat di dalam pembangunan di beberapa wilayah di negara ini seperti KEJORA, DARA, JENGA, KETENGAH, KEDA, PERDA, KESEDAR dan beberapa rancangan pembangunan wilayah yang lain. Pembangunan di wilayah-wilayah tersebut, bukan sahaja melibatkan

pembangunan tanah untuk pertanian dan penempatan penduduk untuk memajukan tanah-tanah tersebut, malah ianya meliputi penyediaan tapak-tapak perindustrian serta kemudahan asas bagi tujuan memajukan perindustrian yang berseesuaian di sesuatu kawasan tersebut.

Melalui usaha-usaha ini, kawasan yang mundur dan kurang maju akan dapat dimajukan bersama serta dapat menikmati pembangunan negara selaras dengan sasaran IMP seperti ditimbulkan itu. Namun begitu, sepertimana yang kita semua maklum untuk memajukan sesuatu kawasan yang kurang maju, ia memerlukan penglibatan wang yang besar dan ini kadangkala menjadi rumit disebabkan sumber tersebut adalah terhad. Usaha-usaha di atas akan terus dilaksanakan bagi memajukan kawasan-kawasan tersebut seperti yang telah dirancangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap juga telah menyatakan harapan supaya pelaburan dari dalam dan luar negeri lebih banyak ditumpukan kepada industri-industri yang mempunyai "forward and backward linkages" yang banyak dan teguh. Beliau mencadangkan supaya industri pembuatan dan industri berteknologi tinggi diperluaskan lagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, sukacita saya menyatakan bahawa Kerajaan sedang giat berusaha untuk memajukan pelaburan di bidang industri kecil dan sederhana dengan menghasilkan keluaran dan perkhidmatan yang diperlukan untuk menyokong pengwujudan industri-industri besar. Sistem sub-contracting umpamanya diwujudkan untuk mengukuhkan ikatan atau linkage antara industri besar, sederhana dan kecil di samping program pemasaran bersepadu yang ditubuhkan untuk membantu usahawan mengembang

serta meningkatkan perusahaan masing-masing dalam bidang teknologi keusahawan, pengurusan dan kewangan. Sektor atau sub-sektor yang telah dilaksanakan termasuklah perabot, makanan . . . .

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):**  
(*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, sebentar.

**Dato' Kok Wee Kiat:** Nanti, boleh saya habiskan ayat itu?

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Baik.

**Dato' Kok Wee Kiat:** Sektor dan sub-sektor yang telah dilaksanakan termasuklah perabot, makanan, komponen, alat ganti kereta, elektrik dan elektronik. Sektor dan sub-sektor ini akan diperluas dan dipelbagaikan dari masa ke semasa.

**Tuan Lee Lam Thye :** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi saya ada mendengar ucapan beliau mengenai pembangunan industri kecil di negara kita dan Yang Berhormat telah menerangkan usaha-usaha yang telah diambil oleh Kementerian beliau untuk mencapai objektif pembangunan industri kecil. Di sini suka saya bertanya sama ada menjadi hasrat Kementerian yang berkenaan untuk menubuhkan sebuah perbadanan industri kecil sepertimana yang telah dilakukan untuk industri besar umpamanya dengan penubuhan HICOM. Saya hendak bertanya sama ada Kerajaan bercadang untuk menubuhkan sebuah badan seperti HICOM untuk pembangunan dan kemajuan industri kecil di negara kita?

**Dato' Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum dicadangkan, tetapi kalau Yang Berhormat boleh mencadangkan idea-idea itu kepada

saya, saya boleh mengemukakan kepada Kementerian untuk dikaji.

Langkah-langkah ini bertujuan supaya kumpulan industri kecil dan sederhana akan dapat memberi sumbangan yang lebih berkesan dengan bertindak sebagai industri sokongan dan memainkan peranan mewujudkan rangkaian "forward and backward" kepada industri besar. Program-program dan strategi untuk meningkatkan industri kecil dan sederhana akan terus dikaji dan diteliti demi untuk mencapai hasrat memperkuatkan peranan industri sebagai asas pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal dan Kimanis telah mencadangkan supaya Kerajaan melonggarkan lagi dan mengkaji semula peraturan yang berkaitan dengan pelaburan untuk menjadikan negara lebih menarik daripada umpamanya negara jiran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, Kerajaan telah dan akan terus dari masa ke semasa mengkaji dan memperbaiki akan keberkesanan polisi, insentif dan prosedur pelaburan yang ada sekarang bagi memastikan bahawa iklim pelaburan di Malaysia lebih menarik untuk pelabur-pelabur asing datang melabur di Malaysia. Setakat ini polisi, insentif dan prosedur tersebut sangat berkesan. Ini terbukti apabila dilihat dari segi bilangan dan nilai pelaburan di dalam projek-projek perkilangan yang diluluskan bagi tahun 1988 berbanding dengan tahun 1987. Di dalam tahun 1988 . . .

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar (Marang):** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, nanti sekejap, ada yang bangun.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, tadi ada disebutkan tentang firma-firma asing serta pelabur-pelabur asing ke Malaysia yang saya fikir satu galakan yang dibuat oleh pihak Kementerian. Dua tiga hari lepas saya ada bercakap tentang soal ini iaitu walaupun ada firma-firma asing ataupun syarikat-syarikat asing datang melabur tetapi satu hal yang nyata iaitu firma-firma tempatan ini dia tidak lebih daripada "tumpang tenggek" sahaja ataupun kumpulan kecil. Perkara ini sudah lama berjalan dan saya kira firma-firma itu adalah bersifat untuk memenuhi kuota sahaja. Jadi, saya ingin tahu langkah-langkah daripada pihak Kementerian bagi memastikan bahawa penglibatan firma-firma tempatan itu kalau tidak lebih pun, sekurang-kurangnya setimpal kerana saya percaya dan semua orang tahu lebih daripada 70% usahasama yang dibuat di antara firma tempatan dan juga firma asing, 30% lebihnya kepada firma-firma luar. Jadi, kalaulah ini keadaan dan sifatnya sudah bertahun-tahun, maka saya kira dari segi penglibatan orang-orang tempatan ataupun firma-firma Malaysia sendiri tidak ke mana. Jadi apakah langkah-langkah supaya walaupun kita galak kehadiran orang luar ini tetapi pelibatan itu biar kita lebih jelas. Apakah langkah-langkah dan tindakan yang telah, sedang ataupun akan dibuat oleh pihak Kementerian?

**Dato' Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya minta Yang Berhormat dari Marang sabar sedikit, oleh kerana saya ada banyak butir-butir di sini tentang soalan-soalan dan pertanyaan-pertanyaan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Di dalam tahun 1988 keseluruhannya sebanyak 732 projek telah diluluskan. 578 projek mempunyai kepentingan pelabur asing berbanding dengan hanya 333 projek. 269 projek mempunyai kepentingan asing dalam tahun 1987. Manakala dari

segi jumlah modal pelaburan pula, keseluruhannya ialah \$9,093.9 juta. Di sini, \$4,878 juta pelaburan asing bagi tahun 1988 berbanding dengan tahun 1987 iaitu \$3,933.9 juta dan ini termasuk \$2,059.9 juta pelaburan asing.

Sementara itu Kerajaan pada tahun lepas telah menubuhkan Pusat Pelaburan (Centre on Investment) bagi memudah dan mempercepatkan proses kelulusan di peringkat Persekutuan ke atas permohonan-permohonan dari pelabur-pelabur asing dan tempatan bagi mendirikan projek-projek perkilangan. Dengan penubuhan Pusat Pelaburan ini bermakna bakal-bakal pelabur tidak perlu lagi berulang-alik dari satu Kementerian atau Jabatan ke jabatan yang lain sama ada untuk mendapatkan khidmat nasihat atau kelulusan yang berkaitan dengan Kastam, Buruh, pengecualian duti cukai, Imijeresen dan sebagainya. Pusat Pelaburan yang mempunyai tujuan dan objektif yang sama juga akan ditubuhkan di peringkat negeri oleh Kerajaan-kerajaan negeri. Untuk tujuan yang serupa, proses penilaian dan kelulusan perjanjian pemindahan teknologi dan insentif untuk peng-usaha-pengusaha kecil sekarang telah dipusatkan di Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA).

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang yang menyarankan supaya Kerajaan berusaha dengan lebih gigih lagi untuk mengurangkan pergantungan negara kepada pengeksportan bahan-bahan mentah, sukalah saya menarik perhatian Yang Berhormat bahawa di bawah Pelan Induk Perindustrian, perhatian yang khusus diberi ke atas pembangunan industri yang berasaskan sumber asli. Dalam hubungan ini, sukacita dimaklumkan bahawa di dalam bidang industri kelapa sawit usaha-usaha Kerajaan ke arah pengeksportan bahan-bahan yang diproses telah pun mencapai kejayaan

kerana sebahagian besar melebihi 90% daripada industri ini diproses di dalam negeri sebelum dieksport. Di samping itu, Pasukan Petugas Pelan Induk Perindustrian juga telah-pun mengenalpasti tujuh industri-berasaskan sumber untuk dibangun dan ditingkatkan nilai ditambah keluaran-keluarannya iaitu barang-barang getah, kelapa sawit, pemerosesan makanan, kayu, kimia dan petro-kimia, barangan bukan logam dan bahan galian yang bukan logam. Usaha-usaha akan diteruskan supaya Malaysia mengeksport lebih barang-barang berasaskan sumber untuk meningkatkan nilai eksport kita.

Ahli Yang Berhormat dari Marang telah menyarankan supaya Kerajaan memperluaskan pasaran barangan keluaran Malaysia dengan lebih luas lagi tidak sahaja ke negara maju seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah dan sedang mengamalkan strategi menggalakkan eksport yang bertujuan untuk mengekalkan pasaran yang sedia ada, di samping menembusi pasaran baru dan bukan tradisional terutama negara-negara membangun untuk mengekal dan mempertingkatkan lagi eksport negara. Aktiviti yang dilaksanakan dalam pelaksanaan strategi . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Marang.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Dari segi masalah perluasan pasaran, saya ada menyebut tentang tabiat eksport yang banyak berkisar ke Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun. Bolehkah diberitahu kepada saya daripada jumlah keseluruhan eksport barangan Malaysia, berapa peratuskah yang dieksport ke ketiga-tiga negara ini kerana saya ada membuat syor supaya

tidak dieksportkan barangan itu ke Amerika, Eropah dan Jepun sahaja. Jadi kalaulah misal katakan, barangan yang dieksport ke Amerika, Jepun dan Eropah itu adalah 80% daripada jumlahnya, saya masih lagi mahu menekankan supaya syor saya ini digunapakai. Jadi, saya ingin tahu berapakah peratusnya, kalau ada dan kalau tidak ada, minta secara bertulis.

**Dato' Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, peratus tepatnya saya tidak ada, tetapi pada persefahaman saya, jumlah keseluruhannya untuk ketiga-tiga negara itu ialah lebih daripada 50%.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Saya difahamkan lebih daripada 70%, apakah ini benar? Saya rasa kalau 50% itu boleh tahanlah, tetapi kalau lebih daripada 70% barangan eksport kita jumlah keseluruhannya berkisar kepada ketiga-tiga negara ini, saya mengesyorkan supaya edaran itu difokuskan kepada lain-lain negara, misal katakan, sebagaimana yang saya sebut semalam, iaitu di Amerika Selatan, Afrika ataupun Middle East ataupun negara Selatan-Selatan Pasifik. Bukan hendak berhujah, tetapi cuma pandangan saya iaitu adakah diambil kira dari segi penge-syoran yang telah saya buat.

**Dato' Kok Wee Kiat:** Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Marang. Sebenarnya ada perkara-perkara (points) yang telah dibangkitkan olehnya semalam, tetapi saya belum jawab lagi. Antara aktiviti yang dilaksanakan dalam strategi penggalakan eksport tersebut termasuklah, pertama, mengambil bahagian dalam pameran perdagangan sama ada ianya dianjurkan oleh

negara-negara seperti di Asia Barat ataupun dengan mengambil bahagian di pameran-pameran perdagangan antarabangsa yang diadakan di negara-negara asing; dan kedua, dengan menghantar rombongan perdagangan. Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian sendiri sentiasa mengetuai misi-misi penggalakan eksport ke negara-negara asing seperti misi penggalakan eksport ke Pakistan, Kuwait, Emiriah Arab Bersatu (UAE) Arab Saudi dan ke beberapa buah negara lagi. Yang ketiga, kita mengadakan perundingan Dua-hala dan Serantau (Regional dan Bilateral Talks). Malaysia telah mengadakan beberapa perundingan di peringkat dua-hala dan serantau untuk menggalakkan perdagangan, antaranya, mengadakan Suruhanjaya Bersama dengan India, Turki, Bangladesh, Iran dan juga di kalangan negara-negara ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar telah menarik perhatian kepada wujudnya Pasaran Tunggal EEC yang akan mengenakan tarif dan sekatan perdagangan bukan tarif ke atas barangan perkilangan Malaysia yang akan menjejaskan pengeluaran perkilangan kita seperti kereta Proton Saga, pakaian dan lain-lain lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh sambung esok kerana masa sudah cukup.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*